

**BAB KEDUA**  
**MENANGANI JENAYAH MURTAD DARI PERSPEKTIF *MAQĀṢID***  
***SHAR'IYYAH***

**2.0 Pendahuluan**

*Maqāṣid shar'iyyah* adalah salah satu cabang ilmu yang amat penting dalam bidang *fiqh* Islam. Dalam membahaskan undang-undang murtad, *fiqh al-Islāmī* adalah elemen yang tidak dapat dipisahkan. Di samping itu *maqāṣid shar'iyyah* adalah alat pengukur yang penting bagi memastikan undang-undang murtad yang digubal menepati objektif syarak. Ia juga berperanan sebagai garis panduan bagi para penggubal undang-undang supaya undang-undang yang dihasilkan praktikal dengan keadaan semasa. Oleh yang demikian, bab ini akan menyentuh kerangka teori Islam dalam memelihara kesucian akidah Islamiah, sama ada untuk mengekalkan keislaman seseorang atau menghalang Islam dari tercemar atau luput daripada diyakini dan diamalkan oleh orang Islam. Oleh itu, penulis akan membahaskan tentang persoalan kedaulatan Islam, kebebasan beragama, dakwah dan pendidikan Islam. Manakala untuk mengelakkan Islam daripada tercemar maka penulis turut membincangkan isu berkaitan pencegahan, penguatkuasaan undang-undang, hukuman, proses pemulihan dan pasca hukuman.

**2.1 Definisi *Maqāṣid Shar'iyyah***

**2.1.1 Bahasa**

*Maqāṣid shar'iyyah* adalah adalah dua perkataan yang disatukan. Oleh itu untuk memahami dengan lebih tepat makna dua perkataan ini, maka penjelasan setiap perkataan

adalah penting. *Maqāṣid* dari segi bahasa membawa pelbagai maksud iaitu meminta sesuatu dan mendatangkannya, jalan yang lurus, lurus dan sederhana, keadilan dan kebenaran, keras dan paksa.<sup>1</sup>

*Shar'iyyah* pula berasal dari kalimah *shara'a*. Dari segi bahasa ia bermaksud sumber air minuman yang menjadi tumpuan orang ramai untuk meminumnya atau tujuan-tujuan lain.<sup>2</sup> Secara literal, perkataan *shar'iah* membawa dua maksud yang berbeza tetapi mempunyai kefahaman yang saling berkait di antara satu sama lain. Pertamanya, ia membawa maksud sumber air dan keduanya bererti pembawaan atau jalan yang jelas dan lurus<sup>3</sup> untuk menemui sesuatu. *Shar'iah* juga dikenali sebagai *al-dīn* dan *al-millah*.<sup>4</sup>

Menurut al-Qurtubī, *shar'iah* Islam bermakna apa sahaja peraturan yang ditentukan oleh Allah S.W.T ke atas umat manusia melalui Rasul-Nya Nabi Muhammad S.A.W.<sup>5</sup> Manakala Syeikh Yūsuf al-Qardhāwī berpendapat *shar'iah* Islam adalah apa juu yang disyariatkan oleh Allah S.W.T kepada hamba-Nya dalam agama atau apa saja yang yang dianjurkan agama dan diperintah untuk melakukannya seperti puasa, solat, haji, zakat, dan segala perbuatan baik.<sup>6</sup> Oleh itu *shar'iah Islamiyyah* bermaksud sesuatu hukum yang disyariatkan oleh Allah S.W.T untuk hamba-Nya daripada akidah, ibadah,

<sup>1</sup> Muḥammad bin Yaakūb al-Fīrūzi al-Abādī (1971), *al-Qāmūs al-Mūhīt*, Beirūt: Muassasah Risālah, h. 521; al-Syed Muḥammad Murtaḍha al-Husainī al-Zabīdī (1971), *Tājūl Arus min Jawāhīr al-Qāmus*, Beirūt: Dār Ihya' al-Turath al-'Arabī, h. 35.

<sup>2</sup> Ibn Manzūr (1990), *Lisān al-Arāb*, Beirūt: Dār al Fikr, j.8, hh. 174-175.

<sup>3</sup> 'Abdul Karīm Zaydan (1969), *al-Madkhāl Lil Dirāsat al-Shari'ah al-Islāmiyyah*, Baghdad: Dār Umar Ibn al-Khattab, h. 38.

<sup>4</sup> Badrān Abū al-Aynayn al-Badrān (1973), *al-Shar'īah al-Islāmiyyah*, Iskandariah: Matba'ah al-Iskandariah, hh. 8-9.

<sup>5</sup> Al-Qurtubī, (1958), *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qurān*, j. 6, Kaherah: Dār al-Kutub, h. 211 & j.16, h. 10.

<sup>6</sup> Yūsuf al-Qardhawī (2001), *Pengantar Belajar Shari'at Islam*, Beirūt, Lebanon: Muassasah Risalah, h. 9.

akhlik, *munākahat*, *muā'malat*, jenayah, *daulah* dan semua perkara yang berkaitan dengan pelbagai urusan kehidupan manusia demi merealisasikan kebahagiaan manusia di dunia dan di akhirat.


### 2.1.2 Istilah

Definisi *maqāṣid shar'iyyah* dari segi istilah boleh difahami berdasarkan kepada takrif yang dikemukakan oleh para ulama. Berdasarkan penelitian kepada khazanah penulisan *maqāṣid shar'iyyah* para ulama memahami *maqāṣid shar'iyyah* dalam tiga pengertian yang saling berkaitan iaitu rahsia agama, hikmah sesuatu hukum dan hikmah. al-Dahlawī berpendapat bahawa *maqāṣid shar'iyyah* adalah ilmu yang menyentuh rahsia-rahsia agama, yang membahaskan hikmah sesuatu hukum shara', rahsia keumuman dan pengkhususan sesuatu hukum. Manakala A'llal al-Fashi berpendapat ia adalah matlamat hukum shara' dan rahsia Allah S.W.T menetapkan sesuatu hukum daripada hukum-hukum-Nya.<sup>7</sup> Syeikh Tahir Asyur berpendapat *maqāṣid shar'iyyah* adalah makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil kira oleh shara' dalam keseluruhan atau sebahagian dari aspek pensyariatannya.<sup>8</sup>

<sup>7</sup> A'llal bin 'Abdul Wāhīd bin 'Abdul Salām al-Fasi al-Fahrī (1993), *al-Maqāṣid al-Shar'iyyah wa Makarāmiha*, Beirūt: Dār al-Gharb al-Islamī, h. 7. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Yūsuf al-'Alīm, (1994), *al-Maqāṣid al-'Ammah li al-Shar'iyyah al-Islāmiyyah*, Riyad: Dār al-Islamiyyah, h. 79; Ahmad al-Raisunī (1995), *Naẓariyyat al-Maqāṣid 'Inda al-Imām al-Syātibī*, Riyad: Dār al-'Alamiyyah li al-Kitāb al-Islāmī, h. 19; Hassan Hj Ahmad, "Maqāṣid Syariah: Konsep dan Pengaruhnya Dalam Pementukan Hukum", dalam Abdul Karm Ali & Raihanah Hj Azhari (ed.)(2001), *Hukum Islam Semasa Bagi Mashara'at Malaysia Yang Membagun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Isam, Universiti Malaya, h. 61.

<sup>8</sup> Imām Muḥammad al-Tahir Ibnu Asyūr (2007), *Maqāṣid al-Shar'iyyah al-Islāmiyyah*, Tunisia: Dār al-Syuhūn, h. 49. Untuk maklumat lanjut sila baca Nūr al-Dīn bin Mukhtār al-Khadīmī (1419H), *al-Ijtihād al-Maqāṣidī*, Qatār: Wazorah al-Auqaf, h. 35; Khīfah Babkīr al-Hassan (t.t), *Falsafah Maqāṣid al-Tasyri fī al-Fiqh al-Islāmī*, Khortum: Dār al-Fikr, , h. 7; Muḥammad Sa'ad bin Aḥmad bin Mas'ud al-Yubi (t.t), *Maqāṣid al-Shar'iyyah al-Islāmiyyah wa 'Alaqātiha bil adillatī*, Riyad: Dār al-Hijrah, h. 37; 'Abdul

Berdasarkan pandangan ulama-ulama di atas, *maqāṣid shar'iyyah* adalah merujuk kepada matlamat atau rahsia atau hikmah atau makna pensyariatan sesuatu hukum sama ada yang umum atau khusus untuk kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Di antara kepentingan memahami *maqāṣid shar'iyyah* adalah untuk melahirkan fiqh yang hidup atau *fiqh al-hayyi* berasaskan nas atau dalil melalui *usūl al-fiqh*. Justeru fiqh tidak sahaja dilihat dari sudut usul (*fiqh uṣūly*) sahaja tetapi juga dilihat dari segi *maqāṣid* (*fiqh maqāṣidi*) bagi mengelakkan penggunaan fiqh zaman dahulu semata-mata tanpa melihat realiti umat pada zaman ini. Malah menurut Imam Abū Ishāq al-Shātībī<sup>9</sup>, selain dari untuk memelihara kemaslahatan<sup>10</sup> atau kepentingan manusia dalam menjalani kehidupan di dunia, ia juga bertujuan untuk memelihara kepentingan manusia selepas kematian mereka. Ini membuktikan bahawa kedatangan Islam merupakan rahmat kepada manusia sekalian alam, sebagaimana firman Allah S.W.T:



“Kami tidak mengutuskan engkau (Wahai Muhammad), melainkan menjadi rahmat untuk semesta alam.”

(Surah al-Anbiya, 21:107)

---

Rahman Ibrahim Zaid al-Kilanī (2000), *Qawā'id al-Maqāṣid 'Inda al-Imām al-Shātībī*, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 47.

<sup>9</sup> Ibrāhim bin Mūsa al-Lakhmī al-Ghirnātī al-Mālikī (2006), *Al-Muwāfaqat fi Usūl al-Shar'iyyah*, j. 2, Kaherah: Dār al-Hadith, h. 54; Yūsuf Ḥamid al-'Alīm (1994), *Al-Maqāṣid Al-'Ammah Li al-Syār'iati al-Islāmiyyah*, Riyaḍh: Dār al-Islamiyyah lil Kitab al-Islāmī, h. 143.

<sup>10</sup> Sila lihat perbincangan lanjut mengenai *maṣlahah* di muka surat 35.

### 2.1.3 Dalil Pensyariatan

Kelahiran konsep *maqāṣid shar'iyyah* adalah berasaskan kepada pemerhatian ke atas ayat-ayat al-Quran yang menyentuh secara langsung kemaslahatan umum manusia sebagai *maqāṣid shar'iyyah*. Di antaranya:

Firman Allah S.W.T;

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٧﴾

“Kami tidak mengutuskan engkau (*Wahai Muhammad*), melainkan menjadi rahmat untuk semesta alam.”

(Surah al-Anbiyā, 21:107)

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

“Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.”

(Surah Al-Baqarah, 2:185)

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

“dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan.”

(Surah Al-Hajj, 22:78)

يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ تُخْفِفَ عَنْكُمْ

“Allah hendak memberikan keringanan kepadamu.”

(Surah Al-Nisā', 4: 28)

Ayat- ayat al-Quran di atas, menunjukkan bahawa syariat yang diturunkan adalah untuk kemaslahatan manusia iaitu kebaikan hidup di dunia dan akhirat. Malah di dalam *qawā'id fiqhīyyah* dinyatakan apabila bertembung *maṣlahah* dan *mafsadah*, menolak *mafsadah*

adalah lebih utama.<sup>11</sup> Justeru semua syariat yang diturunkan hendaklah mendatangkan kebaikan untuk manusia sejagat dan bukan kemudaran. Berpaksikan kepada *al-Qur'ān* dan *al-Hadīth* serta kemahiran berijtihād, maka para ulama perlu mencari rahsia matlamat atau objektif penshariatan sesuatu hukum agar perlaksanaan hukum tersebut menepati maksud sebenar penshariatannya.

Scenario ini boleh difahami berdasarkan suatu peristiwa di zaman Rasulullah S.A.W. apabila Baginda memerintahkan sekumpulan sahabat pergi menemui Bani Quraizah. Pesanan Baginda kepada para sahabat “Hendaknya tidak seorang pun daripada kamu mengerjakan solat asar melainkan setelah tiba di tempat Bani Quraizah”. Mereka segera bertolak dan di pertengahan jalan, masuk waktu solat asar. Sebahagian daripada sahabat menunaikan solat asar kerana memahami maksud perintah Rasulullah S.A.W. adalah supaya berjalan cepat dengan tidak melewatkhan solat Asar. Manakala sebahagian sahabat yang lain solat asar pada waktu Maghrib di Bani Quraizah kerana mengikut zahir nas. Walau bagaimanapun, Rasulullah S.A.W. tidak membantah tindakan dua kelompok sahabat tersebut apabila perkara ini diajukan kepada Baginda.

#### **2.1.4 Pembahagian Keutamaan *Maṣlaḥah***

Oleh kerana objektif syariah adalah untuk memelihara kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat maka memahami konsep *maṣlaḥah* adalah suatu yang amat penting

---

<sup>11</sup> Ahmad bin Syeikh Muḥammad Zarqa’ (2001), *Syarhu al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, c. 6, Damsyik: Dār al-Qalām, h. 205. Lihat juga, Abī Muḥammad Izzuddīn ‘Abdul Azīz Ibnu ‘Abdul al-Salām al-Salmī (2002), *Qawā'id al-Aḥkām fi Maṣlaḥih al-Anāmi*, al-Azhar: Dār al-Bayān al-‘Arabī, h. 12; Badran Abu al-Aynayn Badran (1969), *Usūl Fiqh*, Mesir: Dār al-Maarif, h. 449.

bagi memastikan penentuan *maṣlahah* diiktiraf oleh syarak. Kamus *al-Munjid* menjelaskan maksud *al-maṣlahah* sebagai sesuatu yang menghasilkan kebaikan iaitu perbuatan-perbuatan yang dilakukan manusia bagi menghasilkan kebaikan bagi dirinya dan masyarakatnya.<sup>12</sup> Oleh itu *maṣlahah* menyentuh secara langsung kebaikan dan kepentingan sesuatu perkara. Imam al-Shāṭibī menjelaskan *maṣlahah* ialah “Sesuatu yang difahami untuk memeliharanya sebagai suatu hak hamba, bagi meraih kemaslahatan dan menolak kefasadan yang diketahuinya tidak didasarkan pada akal semata-mata, apabila Allah S.W.T tidak memberikan penegasan terhadapnya, bahkan menolaknya, maka kaum muslimin hendaklah sepakat menolaknya sebagai kemaslahatan”.<sup>13</sup> Berdasarkan takrifan di atas, maka *maṣlahah* boleh dibahagikan kepada tiga iaitu :

1. *maṣlahah mu’tabarah*,
2. *maṣlahah mulghāh*, dan
3. *maṣālih mursalah*.

Penjelasan kepada tiga jenis *maṣlahah* di atas adalah seperti berikut :

#### **2.1.4.1 Maṣlahah Mu’tabarah**

*Maṣlahah mu’tabarah* adalah *maṣlahah* yang bertepatan dengan syarak sama ada dengan nas yang jelas atau ijmak atau sesuatu yang berkaitan dengan nas (*qiyās*) atau dijelaskan melalui dalil yang khas.<sup>14</sup> Umpamanya Allah S.W.T. berfirman :

---

<sup>12</sup> Lois Na'luf (1987), *al-Munjid fī al-Lughah wa al-'Alām*, Beirūt: Dār al-Masriq, h. 432.

<sup>13</sup> Abū Isha' Ibrahīm Ibn Muḥammad al-Shāṭibī (t.t), *al-I'tsam*, Mekah: al-Maktabah al-Faiṣaliyyah, juz. 2, h. 113.

<sup>14</sup> Wahbah al-Zuhaylī, (1986), *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*, j.2, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 770; Isa Manun (t.t), *Nabrasu al-Uqul fī Tahqīq al-Qiyās 'Inda Ulama' al-Usūl*, Kaherah: Dār al-'Adalah, h. 296; Muḥammad Mustafā al-Syalabī (1981), *Ta'alil al-Ahkām*, Beirūt: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, h. 281.

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيهِمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَلًا مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

*“Pencuri lelaki dan pencuri perempuan hendaklah dipotong tangannya sebagai balasan di atas perbuatannya dan pencegahan dari Allah”.*

(Surah Al-Māidah, 5:38)

Ayat ini menjelaskan bahawa hukuman potong tangan adalah sebagai balasan perbuatan mencuri dan sebagai langkah pencegahan dari Allah S.W.T. Dapat difahami di sini bahawa nas *al-Qur’ān* memaklumkan *maṣlaḥah* hukum potong tangan iaitu sebagai pencegahan kepada si penjenayah supaya tidak mencuri lagi dan menimbulkan kegerunan kepada orang ramai untuk mencuri, seterusnya menjauhi perbuatan tersebut.

#### **2.1.4.2 *Maṣlaḥah Mulghāh***

*Maṣlaḥah mulghāh* ialah suatu *maṣlaḥah* yang tidak dibuktikan melalui nas syarak, malah ia dibuktikan bertentangan dengan syarak.<sup>15</sup> Umpamanya menyamakan pembahagian harta pusaka lelaki dan perempuan kerana memenuhi deklarasi persamaan jantina dalam perjuangan hak asasi manusia. Ini adalah satu kebaikan menurut pandangan akal manusia. Tetapi ia berlawanan dengan nas shara’ seperti yang ditegaskan oleh Allah S.W.T.

---

<sup>15</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit.*, h. 770.

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ فَإِنْ كَنَّ نِسَاءً فَوْقَ أَنْتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلَاثًا مَا تَرَكَ

*“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta ”.*

(Surah al-Nisā’, 4:11)

Begitu juga dengan penjualan arak dan pelacuran. Walaupun ia boleh membantu seseorang mendapat pendapatan dan kerajaan boleh mengutip cukai daripadanya, tetapi ia tetap berlawanan dengan nas shara’. Oleh itu *maṣlaḥah* ini dikategorikan sebagai *maṣlaḥah mulghāh* yang ditolak oleh shara’.

#### 2.1.4.3 *Maṣāliḥ Mursalah*

Menurut al-Ghazālī, *maṣāliḥ mursalah* adalah suatu *maṣlaḥah* yang tidak berlawanan dengan nas shara’ tetapi tidak berkaitan dengan nas yang tertentu.<sup>16</sup> Pandangan ini dipersetujui oleh Ibnu Ashūr. Beliau berpendapat bahawa *maṣāliḥ mursalah* adalah sesuatu kebaikan yang diterima syarak walaupun tiada nas yang berkaitan dengannya. Oleh itu, *qiyās* digunakan bagi menentukan hukum ke atasnya.<sup>17</sup> Walubagaimanapun penggunaan *maṣāliḥ mursalah* adalah selepas ketiadaan nas daripada al-Quran, al-Sunnah, ijmak ulamak dan *qiyās*.

<sup>16</sup> Abū Ḥamid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī, (t.t), *al-Muṣṭafā ‘Ilmi al-Uṣūl* (t.tem.): Dār al-Fiber, j. 1, h. 286; Fakhrudin Muḥammad bin ‘Umar al-Rāzi, *op.cit*, j. 2, h. 220.

<sup>17</sup> Ibni Ashūr, *op.cit*, h. 216.

## **2.1.5 *Maslahah* dari Sudut Kekuatan Kesan**

Imam al-Shātibī membahagikan *maslahah* dari sudut kekuatan kesannya dalam kehidupan manusia kepada tiga iaitu *daruriyyat*, *ḥajjiyyat* dan *taḥsiniyyat*<sup>18</sup> iaitu:

**a. *Al-daruriyyat.***

Iaitu keperluan sesuatu *maslahah* sampai ke tahap yang sangat genting dan mendesak sehingga berada dalam keadaan yang merbahaya dan mengancam seseorang. Oleh itu kehilangan perkara *daruriyyat* akan mengancam kebahagian hidup manusia di dunia dan akan ditimpa azab yang amat pedih di hari akhirat nanti. Al-Ghazālī membahagikan *maslahah* kepada lima perkara pokok yang dikenali sebagai *al-uṣūl al-khamsah* (lima dasar) iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.<sup>19</sup>

**b. *Al-ḥajjiyyat.***

Iaitu suatu keperluan bagi kelegaan dan menghilangkan kesempitan yang pada lazimnya boleh membawa kepada kesusahan dan kesempitan tanpanya. Dengan perkataan lain, ia adalah sesuatu yang berkaitan dengan keperluan hidup yang umum dan tidak sampai ke tahap *darurat* dan tidak pula sampai ke peringkat yang boleh mendarang fasad atau binasa pada adatnya.

---

<sup>18</sup> Abī Ishak al-Shātibī (2006), *Al-Muwāfaqat fi Uṣūl al-Syar'iāh*, j. 2, Kaherah: Dār al-Hadis, h. 5.

<sup>19</sup> Al-Ghazālī, *op.cit.*, hh. 286-287.

c. *Al-tahsiniyyat.*

Iaitu sesuatu yang boleh mengelokkan keadaan manusia dan menjadikannya serasi dengan kehendak maruah dan akhlak yang mulia seperti kebersihan, fesyen menutup aurat, adab makan dan sebagainya. Oleh itu susunan *maṣlaḥat taḥsiniyyat* terletak di tempat yang ketiga selepas *al-dharurat* dan *al-hajjiyyat*. Contohnya:

يَبْنِي إِادَمَ حُذُوْا زِينَتُكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ

“Hai anak Adam, pakailah pakaianmu yang indah di setiap (memasuki masjid.”

(Surah al-A’rāf, 7:31)

وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ وَالرُّجَزَ فَاهْجُرْ

“Dan pakaianmu bersihkanlah, dan perbuatan dosa tinggalkanlah.”

(Surah al-Muddathir, 74:4-5)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa adalah penting kepada manusia untuk berpakaian menutup aurat bahkan Allah S.W.T juga menganjurkan supaya memakai pakaian yang bersih dan cantik. Elemen bersih dan cantik adalah elemen *taḥsiniyyat* di dalam berpakaian.

## 2.2 Hubungan *Maqāṣid Shar’iyyah* dengan Jenayah Murtad

Di antara perkara *dharuri* dalam objektif *shar’iyyah* adalah memelihara kesucian agama Islam atau lebih dikenali dengan konsep *ḥīfẓ al-dīn*. Oleh kerana jenayah murtad adalah salah satu perkara yang menyentuh persoalan akidah maka ia amat berkait rapat

dengan konsep *hifz al-dīn*. Justeru itu, dengan memahami konsep *hifz al-dīn* secara lebih mendalam membolehkan penulis mengungkapkan bagaimanakah konsep ini boleh membendung jenayah murtad.

### 2.3 Konsep *Hifz al-Dīn* (Memelihara Agama)

Perkataan *hifz al-dīn* adalah istilah yang digunakan oleh para ulama fiqh bagi menjelaskan maksud memelihara agama dalam konteks *maqāṣid shar'iyyah*. Oleh itu ia dikekalkan dalam penulisan ini bagi memudahkan memahami isu yang sedang dibincangkan. Perkataan *al-dīn* di dalam al-Quran memberi makna berikut:

- i. Pembalasan, seputrimana firman Allah S.W.T.:

أَإِذَا مِتَّنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظَمًا أَءِنَا لَمَدِينُونَ . 

“Apakah bila kita telah mati dan kita telah menjadi tanah dan tulang belulang, apakah sesungguhnya kita benar-benar (akan dibangkitkan) untuk diberi pembalasan?”

(Surah al-Shaffāt, 37:53)

- ii. Perhitungan atau perkiraan. Firman Allah S.W.T. :

ذَلِكَ الْدِينُ الْقَيِّمُ

“Itulah (ketetapan) agama yang lurus”,

(Surah at-Taubah, 9: 36)

مَنْلِكِ يَوْمٍ الْدِينِ

“Yang menguasai di hari Pembalasan ”

(Surah al-Fātiḥah, 1:4)

- iii. Ketaatan. Firman Allah S.W.T. :

وَأَخْلَصُوا دِينَهُمْ لِلَّهِ 

“Berpegang teguh pada (agama) Allah dan tulus ikhlas (mengerjakan) agama mereka kerana Allah”.

(Surah al-Nisā’, 4:146)

iv. Islam. Firman Allah S.W.T.:

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ أَلْيَسْلَمُ

“Sesungguhnya agama (yang diredhai) disisi Allah hanyalah Islam.

(Surah al-'Imrān, 3:19)

وَمَنْ أَحْسَنْ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا

“Dan siapakah yang lebih baik agamanya dari pada orang yang ikhlas menyerahkan dirinya kepada Allah, sedang diapun mengerjakan kebaikan, dan ia mengikuti agama Ibrahim yang lurus?”

(Surah al-Nisā’, 4:125)

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran di atas, dapat difahami penggunaan *al-dīn* dari segi istilah bermakna peraturan Ilahi yang membawa orang yang berakal secara sukarela kepada kebaikan hidup di dunia dan akhirat.<sup>20</sup> Oleh itu, perkataan *al-dīn* adalah merujuk kepada agama Islam yang terkandung di dalamnya akidah, syariat dan akhlak. Ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T. :

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمْ أَلْيَسْلَمَ

دِينًا

“pada hari ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Ku-cukupkan kepadamu nikmatku, dan telah Kuredai Islam itu jadi agama bagimu”.

(Surah al-Māidah, 5: 3)

<sup>20</sup> Yūsuf al-Qarḍhāwī (1996), *Madkhal li Ma'rifatī al-Islām Muqāwimatuhu Khaṣaisuhu Ahdafuhu Maṣādiruhu*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 16; Muṣṭafā Sa'īd al-Khan wa Muhyiddin Mastu (1999), *al-'Aqīdah al-Islāmiyyah Arkānuha Haqoiquha Maṣādatuha*, Damsyik: Dār al-Kalm al-Toyyib, h. 19.

إِنَّ الدِّينَ كَعِنْدَ اللَّهِ □ □ الْإِسْلَمُ

“Sesungguhnya agama (yang direndai) di sisi Allah hanyalah Islam.”

(Surah al-'Imrān, 3:19)

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَمِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ

٨٥

“Barangsiapa mencari agama selain agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi.”

(Surah al-'Imrān, 3:85)

Manakala perkataan *hifz* bermakna memelihara<sup>21</sup> iaitu membela, menjaga, merawat, menternak binatang, mempunyai atau menyimpan, membiarkan tumbuh dan menyelamatkan serta melepaskan.<sup>22</sup> Umpamanya, Allah S.W.T menjelaskannya di dalam al-Quran:

فَالصَّالِحَاتُ قَنِيتُ حَفِظَتُ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ

“Maka wanita yang saleh, ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri ketika suaminya tidak ada, oleh kerana Allah telah memelihara (mereka).”

(Surah al-Nisā', 4:34)

وَحِفْظًا مِنْ كُلِّ شَيْطَنٍ مَارِدٍ

“Dan telah memeliharanya (sebenar-benarnya) dari setiap syaitan yang sangat durhaka,”

(Surah al-Shaffāt, 37:7)

<sup>21</sup>Fu'ad Ifrām al-Bustānī (1956), *Munjid Tullāb*, Beirūt: Dār al-Masyreq, h. 130.

<sup>22</sup>Noresah Baharom (1994), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1000.

Kedua-dua ayat di atas jelas menunjukkan bahawa perkataan *hifz* merujuk kepada memelihara. Oleh itu *hifz al-dīn* membawa makna memelihara kesucian agama Islam dengan memastikan ia didaulatkan dan diamalkan serta dilindungi daripada sebarang bentuk pencemaran dan melaksanakan usaha pencegahan secara berterusan bagi mengelakkan para pengikutnya dari meninggalkan Islam.

Justeru dengan menjaga agama bermakna umat Islam akan menjaga *dharuriyyat al-khamsah* atau *al-uṣūl al-khamsah* (lima dasar) iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.<sup>23</sup> Ini kerana asas kepada penjagaan jiwa, akal, keturunan dan harta harta adalah berteraskan kepada agama. Oleh itu dari segi *maqāṣid shar'iyyah* kepentingan undang-undang murtad adalah mengatasi undang-undang lain. Jelasnya tanpa agama bagaimana peraturan lain boleh dikuatkuasakan.

Justeru itu, Imām al-Shātibī membahagikan urusan pemeliharaan kesucian agama Islam kepada dua aspek iaitu; pertama, memastikan ajaran Islam dilaksanakan sama ada yang berkaitan dengan fardhu ain atau fardhu kifayah. Kedua, agama Islam mestilah dilindungi daripada pupus dengan memastikan penganutnya menjauhi dosa kecil, dosa besar serta perkara *bid'ah*. Di samping itu, hukuman hudud hendaklah dilaksanakan bagi mereka yang murtad supaya penyakit ini tidak terus merebak sehingga merosakan struktur sosial orang Islam.<sup>24</sup> Manakala Ziad Mohamad Ahmidan pula menjelaskan

---

<sup>23</sup> Muḥammad al-Tahir Ibnu ‘Ashūr (2007), *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, Tunisia: Dār al-Syuhūn, h. 78

<sup>24</sup> Shātibī, al-Muwāfaqat, *op.cit*, j.2, h. 7.

bahawa pelaksanaan *maqāṣid shar'iyyah* dari sudut memelihara agama terbahagi kepada dua komponen utama<sup>25</sup> iaitu:


- a. Memastikan kewujudan dan kelangsungan agama Islam, tindakan di bawah hendaklah diambil:
  - i. Amalan beragama;
  - ii. kedaulatan agama Islam;
  - iii. dakwah bagi agama Islam
- b. Bagi mengelakkan agama Islam daripada tercemar kesuciannya dan pupus,maka hendaklah:
  - i. Berjihad di jalan Allah S.W.T;
  - ii. mencegah jenayah murtad;
  - iii. menghapuskan *bid'ah*;
  - iv. menjauhkan daripada dosa dan maksiat;
  - v. menghindari pendapat secara bergurau senda yang melampau.

Berdasarkan pandangan di atas maka konsep *hifz al-dīn* diringkaskan seperti di dalam gambarajah 2.1 di bawah.

---

<sup>25</sup> Ziad Muḥammad Ahmidan, (2008), *Maqāṣid al-Shariah al-Islāmiyyah*, Beirūt: Muassasah al-Risālah Nashirun, hh. 87-130.

**Gambarajah 2.1: Model *Hifz al-Dīn*.**



Manakala penjelasan intipatinya akan diperbahasan dalam perbincangan seterusnya.

### 2.3.1 *al-Hakīmiyyah* (Kedaulatan Islam)

Kedaulatan perundangan atau *al-hākīmiyyah* adalah hak mutlak Allah S.W.T. Oleh itu hanya Allah S.W.T berhak menentukan sesuatu itu halal atau haram.<sup>26</sup> Justeru sebuah kerajaan Islam tidak memiliki kuasa mutlak untuk menggubal undang-undang melainkan akur dengan kehendak Allah. Firman Allah S.W.T.:

اَللّٰهُمَّ تَعْلَمُ اَنِّي اَلٰهُ لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

“Tidakkah kamu mengetahui bahawa kerajaan langit dan bumi adalah kepunyaan Allah”

(Surah al-Baqarah, 2:107)

لَهُ الْحَمْدُ فِي الْأُولَىٰ وَالْآخِرَةِ وَلَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

<sup>26</sup> Alias Othman (1991), *Asas-Asas Pemikiran Politik Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 53.

*“Bagi-Nyalah segala puji di dunia dan akhirat dan bagi-Nyalah segala penentuan (hukum) dan kepada-Nyalah kamu dikembalikan”*

(Surah al-Qasas, 28: 70)

Ayat-ayat di atas, menunjukkan bahawa sememangnya hukum dalam Islam adalah milik Allah S.W.T. Oleh itu, sebuah kerajaan Islam adalah tertakluk kepada hukum Allah S.W.T dan Rasul-Nya serta berkewajipan menguatkuaskan hukum Allah S.W.T. Maka dari segi politik sebuah kerajaan Islam hendaklah melaksanakan politik Islam. Begitu juga dari segi ekonomi, pendidikan, sosial, perundangan, hiburan, budaya, seni dan semua cabang kehidupan yang tertakluk kepada hukum Islam.

Namun demikian negara Islam bukanlah negara *teokrasi* (pemerintah ketuhanan yang suci) seperti yang difahami oleh kelompok kristian barat. Malah menurut Dr. Yūsuf al-Qardhāwī, negara Islam adalah negara *madānī* iaitu pemerintahan awam yang berdiri di atas asas pemilihan, *bai’ah*, *syūra*, tanggungjawab pemerintah terhadap umat, hak setiap individu rakyat untuk nasihat menasihati pemerintah dan menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar.<sup>27</sup> Justeru, berdasarkan kaedah fiqh *taṣarrūf al-imām ‘alā al-ra’iyyah manūtun bi al-maṣlaḥah* iaitu tindakan seorang pemimpin terhadap rakyatnya terikat kepada *maṣlaḥah* semasa, maka seorang pemimpin yang boleh menggubal undang-undang yang tidak bersalah dengan hukum syarak demi kemaslahatan dan kepentingan rakyat. Berbeza dengan negara teokrasi, apabila para pendeta memiliki kuasa mutlak di atas nama tuhan untuk menggubal undang-undang. Tambahan pula Rasulullah S.A.W telah bersabda:

---

<sup>27</sup> Yūsuf al-Qardhawī (1998), *Fiqh Daulah Dari Perspektif Islam*, Terjemahan oleh Ustaz Hj Juanda Hj Jaya, Selangor: Maktabah al-Qardhawī, h. 80.

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ رَفَعَ الْحَدِيثَ قَالَ : مَا أَحَلَ اللَّهُ فِيهِ كِتَابِهِ فَهُوَ حَلَالٌ وَمَا حَرَمَ فَهُوَ حَرَامٌ  
وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ عَارِفٌ فَاقْبِلُوا مِنَ اللَّهِ الْعَافِيَةً فَإِنَّ اللَّهَ لَمْ يَكُنْ نِسِيَّاً

Daripada Abi Darda' r.a, telah bersabda Rasulullah S.A.W.: “Apa yang dihalalkan oleh Allah di dalam kitab-Nya maka ia adalah halal dan apa-apa yang diharamkan di dalam kitab-Nya maka ia adalah haram dan apa-apa yang didiamkan daripada-Nya maka ia adalah satu kemudahan untuk kamu. Maka terimalah kemudahan dari Allah kerana mustahil bagi Allah bersifat pelupa”.<sup>28</sup>

Hadis ini memberi ruang kepada umat Islam untuk menggubal undang-undang dengan keizinan syarak dalam ruang lingkup yang luas berkaitan kehidupan manusia seharian. Namun demikian mereka masih terikat dengan nas syarak, *maqāṣid syar'iyyah al-kulliyah* dan *qawā'id al-'ammah* supaya undang-undang yang digubal memberi manfaat dan menolak kemudaratan serta memelihara 'urf semasa.<sup>29</sup>

Justeru dapat difahami bahawa tabiat Islam adalah memerintah. Untuk itu syariat Islam hendaklah dilaksanakan seluruhnya oleh pemerintah Islam. Setiap individu muslim akan ditadbir, diselia serta dikawal oleh syariat Islam. Ini termasuklah undang-undang murtad yang mesti digubal kerana murtad adalah salah satu perbuatan jenayah dalam sebuah negara Islam. Oleh itu, rakyat akan dididik dan ditegah untuk murtad oleh pemerintah Islam. Apabila keadaan ini berlaku, persoalan murtad sepatutnya tidak lagi timbul di kalangan orang Islam. Namun jika ia masih berlaku maka penjenayah murtad mesti dihukum berdasarkan hukum syarak. Tambahan pula pemelukan Islam bagi masyarakat bukan Islam dalam sebuah negara Islam adalah berdasarkan prinsip berikut:

---

<sup>28</sup> Al-Hāfiẓ Abī Abdillah al-Hākim al-Naisaburī (1986), *al-Mustadrak al-Sohihainī*, Beirūt: Dārul Ma’arifah, hadis 3419, j. 2, h. 375, Abī Bakr Aḥmad bin al-Ḥusin bin ‘Alī al-Baihaqī (2003), Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, hadith 16866, j. 8, h. 353.

<sup>29</sup> Yūsuf al-Qardhāwī, *op.cit*, h. 92.

### 2.3.1.1 Kebebasan Beragama

Syariah memperuntukkan kebebasan kepada rakyat sebuah negara Islam untuk menganuti mana-mana agama.<sup>30</sup> Ini adalah bertujuan untuk membebaskan manusia dari menjadi hamba pemikiran atau *taqlid*. Oleh itu al-Quran mengajak manusia untuk berfikir tentang penciptaan langit dan bumi sebagai tanda-tanda kekuasaan Allah S.W.T. Sebagaimana firman Allah S.W.T.:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخِتَالِفِ الْأَيَّلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي  
فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَاءٍ فَأَحْيَا بِهِ  
الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيحِ وَالسَّحَابِ  
الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَأَيَّتِ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٦﴾

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang belayar di lautan membawa apa yang berguna kepada manusia dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air lalu dengan itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering)nya. Dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan dan pengisaran angin dan awam yang dipermudahkan antara langit dan bumi, sesungguhnya (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang berfikir.”

(Surah al-Baqarah, 2:164)

Hak memilih agama ini dinyatakan oleh Allah S.W.T.:

وَقُلِ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكُمْ فَمَنْ شَاءَ فَلْيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلْيَكُفِرْ

“Dan katakanlah : Kebenaran itu datangnya dari tuhanmu, maka barangsiapa yang ingin beriman hendaklah ia beriman dan barangsiapa yang ingin kafir biarlah ia kafir”

(Surah al-Kahfi, 18: 29)

<sup>30</sup> A.Rahman I.Doi (1992), *Orang Bukan Islam di Bawah Undang-Undang Shariah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 108.

Ayat di atas jelas menunjukkan Allah S.W.T menjamin kebebasan memilih agama walaupun pada peringkat awalnya Allah S.W.T menegaskan bahawa kebenaran hanya datang daripada-Nya. Dalam perkara ini, Saidina Ali berkata:

*“Sesungguhnya orang bukan Islam hendaklah membayar jizyah bagi membolehkan harta benda dan nyawa merka sama statusnya dengan orang Islam.”<sup>31</sup>*

Di dalam Perlembagaan negara Islam Madinah Rasulullah S.A.W memperuntukkan dalam Perkara 25 hingga 33 mengenai hak beragama bagi orang Islam dan bukan Islam. Perkara 25 Perlembagaan Madinah menjelaskan bahawa:

*“Bawanya orang Yahudi dari Bani Auf adalah satu umat bersama orang beriman, orang yahudi dengan agama mereka dan kaum muslimin dengan agama mereka, begitu juga dengan orang yang bersekutu dengan mereka, kecuali orang-orang yang zalim dan berbuat dosa maka hal ini akan menimpak diri mereka dan keluarga mereka.”<sup>32</sup>*

Begitu juga perjanjian yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. dengan rabiib St. Catherine di Bukit Sinai, Mesir yang mewakili orang Nasrani keseluruhannya dengan menjamin kebebasan beragama kepada mereka.<sup>33</sup> Mengulas perjanjian Nabi Muhammad S.A.W dengan orang Nasrani di Najran, Ameer Ali menyatakan rasa kekagumannya kerana tidak ada bangsa penakluk sebelum ini memberikan jaminan kebebasan lebih baik daripada sebelum mereka ditakluk.<sup>34</sup> Hal ini juga berlaku di zaman sahabat, umpamanya 'Umar al-Khattab dilaporkan memberikan kebebasan beragama dan mengamalkan agama

---

<sup>31</sup> 'Alauddin Abī Bakr, Ibn. Mas'ud al-Kasānī al-Ḥanāfi (1982), *Bada'i al-Sanā'i*, Kaherah: Dār al-Kitab al-Arabi, j. 7, h. 111.

<sup>32</sup> Abū al-Fida' Ismail Ibn Kathīr (1999), *al-Bidāyah al-Nihāyah*, Kaherah: Dār al-Taqwa, j. 3, h. 232; Ibnu Ishaq (1970), *Sirah Rasulullah*, Alfred Guillaume (terj.), Oxford University Press Lahore, hh. 150-767; Ibnu Hisham Abū Muḥammad 'Abdul Mālik (1937), *al-Sīrah al-Nabāwiyyah*. Kaherah: t.p., hh. 218-834.

<sup>33</sup> Ibnu Hisham, *op.cit*, h. 718.

<sup>34</sup> Ameer Ali (1922), *The Spirit of Islam*, London: t.p., h. 273.

Nasrani di 'Ilyan.<sup>35</sup> Perkara yang sama juga dilakukan oleh Khalid al-Wālid kepada penduduk Annat.<sup>36</sup> Rentetan peristiwa dalam sejarah Islam ini membuktikan bahawa pemerintah Islam amat konsisten memberikan kebebasan beragama kepada rakyatnya.

### 2.3.1.2 Dakwah *Islāmiyyah*

Islam telah disebarluaskan melalui dakwah<sup>37</sup>. Malah tidak ada nas syarak atau fakta sejarah yang menyokong bahawa Islam tersebar dengan mata pedang<sup>38</sup> melainkan ia adalah dakyah musuh-musuh Islam sahaja.<sup>39</sup> Hakikat ini boleh dilihat dalam beberapa ayat al-Quran seperti dalam firman Allah S.W.T.:

---

<sup>35</sup> Tābarī Abu Ja'afar Muḥammad bin Jārif (1358H), *Tarikh al-Umam wa al-Muluk (Tarikh al-Tābarī)*, Kaherah: t.p, j.3, h. 609.

<sup>36</sup> Abu Yūsuf Ya'akub bin Ibrāhīm (1382H), *Kitāb al-Khāraj*, Kaherah: t.p, h. 146.

<sup>37</sup> Dakwah dari segi bahasa bermakna meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memangil, menyeru dan melaung. Manakala dari segi istilah ia membawa maksud satu program yang lengkap, yang kesemua peringkatnya mengandungi ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup dan bagi menyingkap petunjuk jalan yang menjadi petunjuk kepada mereka. Dr. Yūsuf al-Qaraḍhāwī pula berpendapat dakwah adalah usaha membawa orang lain kepada agama Islam supaya mengikut petunjuk agama ini, melaksanakan segala ketetapan-Nya di muka bumi ini, mengkhususkan segala bentuk penghambaan diri, permohonan dan taat kepada Allah S.W.T sahaja, melepaskan diri daripada segala kongkongan yang bukan daripada Allah S.W.T.yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditentukan hak oleh Allah S.W.T , menafikan hak ke atas orang yang dinafikan hak oleh Allah S.W.T. menyeru kepada kebaikan dan menegah kemungkar dan berjihad pada jalan-Nya. Begitu juga ulama-ulama lain seperti Adam 'Abdullah al-Aluri, Abū al-Majd al-Sayyi Nawfal dan Rauf Sh'abi. Ringkasnya dakwah adalah usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan pendekatan tertentu untuk membawa manusia kepada keredaan Allah S.W.T. Sila rujuk Ibn Manzūr (t.t), *Lisān al-Arāb*, Beirūt: Dār Sadir, j. 14, hh. 257-261. Muḥammad al-Ghazālī (1981), *Ma'a Alah*, Beirūt: Dār Ihya al-Turath al-'Arabī, h. 17. Yūsuf al-Qaraḍhawī (1978), *Thaqāfah al-Daiyah*, Beirūt: t.p, h. 5. Adam Abdullah al-Aluri (1989), *Tarikh Dakwah al-Islāmiyyah baina al-Ams ilā al-Yaum*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 17. Rauf Shabi (1982), *Syaikologiyah al-Rā'i wa al-Dakwah*, Kuwait: Dār al-Qalam, h. 49. Abdul Aziz Mohd Zin (1999), *Pengantar Dakwah Islamiyah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 2.

<sup>38</sup> Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Syaibānī (1971), *al-Siyar al-Kabīr*, Kaherah: Matba'ah Syarikatal I'lānat al-Syarīqiyah, j.1, h. 187.

<sup>39</sup> Husni Adhan Jarar (1994), *al-Jihād al-Islāmi al-Mu'asir*, Oman: Dār al-Basyir, h. 38.

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَنِدْلُهُمْ بِالْتِي هِيَ

أَحْسَنٌ

“Serulah manusia ke jalan Allah dengan hikmah dan nasihat yang baik serta berbincanglah dengan mereka dengan cara yang baik”

(Surah al-Nahl, 16: 125)

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِمَّنْ دَعَ إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَلِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ

الْمُسْلِمِينَ

“Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal soleh dan berkata sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri”

(Surah al-Fussilat, 41:33)

وَالَّذِينَ أَتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَفْرُ霍ُونَ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمِنَ الْأَحَזَابِ مَنْ

يُنِكِّرُ بَعْضَهُ وَقُلْ إِنَّمَا أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ اللَّهَ وَلَا أُشْرِكَ بِهِ إِلَيْهِ أَدْعُوا

وَإِلَيْهِ مَعَابٌ

“Orang-orang yang telah kami berikan kitab kepada mereka bergembira dengan kitab yang diturunkan kepadamu dan di antara golongan-golongan yang bersekutu ada yang mengingkari sebahagiannya. Katakanlah sesungguhnya aku hanya diperintah untuk menyembah Allah dan tidak mempersekuatkan sesuatu pun dengan dia. Hanya kepada-Nya aku menyeru (manusia) dan hanya kepada-Nya aku kembali.”

(Surah al-Ra'ad, 13:36)

Penjelasan ayat-ayat di atas menyokong konsep kebebasan beragama iaitu unsur kerelaan adalah aspek yang penting semasa memeluk Islam. Sedangkan kerelaan ini boleh dibentuk melalui dakwah.

Begitu juga metodologi yang digunakan semasa berdakwah. Para rasul dan pendakwah selepas baginda sentiasa menggunakan pelbagai pendekatan yang berhemah seperti mengajak berfikir, bercerita, perbandingan, rangsangan minda, *qudwah hasanah*, syair dan pantun, pujukan dan banyak lagi.<sup>40</sup> Malah ayat yang pertama diturunkan iaitu :

Firman Allah S.W.T.:

أَقْرَأَ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ أَقْرَأَ مِنْ عَلَقٍ ۝  
الَّذِي عَلَمَ بِالْقَلْمَنِ ۝ عَلَمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

*“Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu yang diciptakan. Dia telah menciptakanmu dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmulah yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia dengan perantaraan kalam. Dia mengajar kepada manusia apa yang tidak diketahui.”*

(Surah al-‘Alaq, 96:1-5)

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Islam disebarluaskan melalui ilmu iaitu dengan cara membaca dan menulis kerana kedua-duanya adalah proses pengajaran dan pembelajaran.<sup>41</sup> Ini jelas menunjukkan bahawa dakwah bukan suatu pembohongan atau paksaan tetapi kebenaran yang disampaikan dengan cara yang berhemah. Justeru bagi seseorang yang baru memeluk Islam, sewajarnya tidak merasa tertipu atau terpedaya atau kerana ugutan untuk memeluk Islam. Tambahan pula Islam disampaikan dengan jelas dan terang. Sebagaimana firman Allah S.W.T. :

وَمَا عَلَيْنَا إِلَّا الْبَلْغُ الْمُبِينُ ۝

*“Dan kewajipan kami tidak lain hanyalah menyampaikan (pengajaran) dengan jelas”*

(Surah Yāsin, 36:17)

---

<sup>40</sup> Jalal Said al-Basyar (1999), *al-Dakwah ila Allah S.W.T ‘ala aṣālibiha wawaṣailiha wa tatbīqatiha*. Kaherah: Jamiah al-Azhar, hh. 69-90; Abdul Aziz Mohd Zin (2001), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hh. 135-170.

<sup>41</sup> Muḥammad Amazun (2002), *Manhaj al-Nabi fī Dakwah*, Kaherah: Dār al-Salām, h. 19.

Tambahan pula orang bukan Islam diberikan hak oleh syarak untuk mendapat pendidikan Islam sebagaimana firman Allah S.W.T.:

وَإِنْ أَحَدٌ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ لَا يَسْمَعُ كَلَمَ اللَّهِ ثُمَّ  
أَبْلَغُهُ مَا مَأْمَنَهُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١﴾

“Dan jika seorang di antara orang-orang musyrikin itu meminta perlindungan kepadamu, Maka lindungilah ia supaya ia sempat mendengar firman Allah, kemudian hantarkanlah ia ke tempat yang aman baginya. demikian itu disebabkan mereka kaum yang tidak mengetahui”.

(Surah at-Taubah, 9:6)

Di samping itu usaha dakwah yang dilakukan adalah untuk memberi kesejahteraan kepada manusia di dunia dan akhirat. Sebagaimana firman Allah S.W.T.:

يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبْلَ السَّلَمِ وَيُخْرِجُهُمْ مِّنَ الظُّلْمَاتِ  
إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٦﴾

“Dengan (*al-Qur’ān*) itu Allah menunjukkan jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredhaan-Nya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari kegelapan (*kufur*) kepada cahaya (*iman*) yang terang benderang dengan izin-Nya, dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang betul lurus.”

(Surah al-Māidah, 5:16)

Rashid Riḍha pula berpendapat bahawa risalah tauhid yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. akan menyelamatkan manusia dari kecelakaan di dunia dan menjamin keselamatan manusia di akhirat nanti. Ia juga mengeluarkan manusia daripada kegelapan

jahiliyah seperti pemujaan berhala dan kongkongan materialisme kepada hidayah Ilahi iaitu jalan kebenaran.<sup>42</sup>

Bagi menyemarakkan dakwah kepada bukan Islam, Allah S.W.T. memperuntukkan satu dana dari asnaf zakat untuk digunakan bagi mengajak dan memujuk orang bukan Islam memeluk Islam. Sebagaimana firman Allah S.W.T.:

إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسِكِينِ وَالْعَدْلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ  
وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرِيمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنْ اللَّهِ  
وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dipujuk hatinya, untuk (memerdekaan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

(Surah at-Taubah, 9:60)

Dr Yūsuf al-Qaraḍhāwī menjelaskan bahawa hukum memberikan bantuan zakat kepada asnaf muallaf sama ada ia masih belum Islam tetapi berpotensi untuk masuk Islam atau baru memeluk agama Islam masih terpakai sehingga hari ini.<sup>43</sup> Oleh itu amat wajar peruntukan zakat digunakan secara maksimum bagi menambah usaha dakwah di kalangan bukan Islam.

<sup>42</sup> Rashid Riqha (t.t), *al-Qur’ān al-Hakīm al-Shahīr bi Tafsīr al-Manār*, j.6, Beirūt: Dār al-Ma’arifah, hh. 304- 306.

<sup>43</sup> Yūsuf al-Qarḍhawī (1973), *Fiqh al-Zakāt*, j. 2, Beirūt: Dār al-Irsyad, hh. 594-611; Nawāwī (t.t), *al-Majmu’*, j. 6, Jeddah: Maktabah al-Irsyad, hh. 196-198.

### 2.3.1.3 Pemelukan Islam

Seorang bukan Islam tidak boleh dipaksa menganut agama Islam kerana bukti kebenaran dan kesahihan Islam amat nyata. Sesiapa yang diberikan hidayah oleh Allah S.W.T. akan menerima Islam dan sebaliknya akan kekal dalam kekufuran. Oleh itu elemen kerelaan memeluk Islam adalah sesuatu yang perlu diambil perhatian semasa memeluk Islam. Sesuai dengan firman Allah S.W.T. :

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ

*“Tiada paksaan dalam beragama”*

(Surah al-Baqarah, 2:256)

Tambahan pula, pemelukan Islam secara terpaksa tidak akan membawa sebarang keuntungan.<sup>44</sup> Malah Allah S.W.T menegaskan :

إِنَّ تَكُفُّرُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنْكُمْ وَلَا يَرْضَى لِعِبَادِهِ الْكُفَّارُ وَإِنْ تَشْكُرُوا  
يَرْضَهُ لَكُمْ

*“Jika kamu kafir maka sesungguhnya Allah tidak memerlukan (iman) mu, dan Dia tidak menerima kekafiran bagi hamba-Nya dan jika kamu bersyukur nescaya diredaya bagi kamu kesyukuran itu”*

(Surah az-Zumar, 39:7)

Jelasnya, ayat ini menunjukkan bahawa Allah S.W.T tidak memerlukan iman orang yang memilih untuk kafir kepada Allah S.W.T. Namun jika Allah S.W.T berkehendak semua orang beriman kepada-Nya maka Dia boleh melakukannya.

Sebagaimana firmanNya:

<sup>44</sup> Abi al-Fida Ismail bin Kathīral Qursyī al-Dimasyqi (1987), *Tafsīr Ibnu Kathīr*, j. 1, Beirūt: Dār al-Fikr, h. 310.

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَأَمَنَ مَنِ فِي الْأَرْضِ كُلُّهُمْ جَيِّعاً أَفَأَنْتَ تُكْرِهُ النَّاسَ

حَتَّىٰ يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ ﴿١٩﴾

*“Dan jika Tuhanmu menghendaki tentulah semua orang di muka bumi ini beriman, maka apakah kamu (hendak) memaksa manusia supaya menjadi orang-orang yang beriman semuanya?”*

(Surah Yūnus, 10:99)

Ayat ini pula menjelaskan bahawa Allah S.W.T menyerah perkara keimanan di atas pilihan dan kerelaan manusia itu sendiri dan bukan dengan paksaan.

Namun demikian manusia perlu bertanggungjawab dengan pilihan yang dibuat.

Allah S.W.T. berfirman:

وَقُلِ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكُمْ فَمَنْ شَاءَ فَلْيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلِيَكُفِرْ إِنَّا أَعْتَدْنَا لِلظَّالِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادُقَهَا وَإِنْ يَسْتَغْيِثُوا يُغَاثُوا بِمَاءٍ كَالْمُهَلِ يَشُوِّي الْوُجُوهَ يَئْسَ الشَّرَابُ وَسَاءَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٢٩﴾ إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ مَنْ أَحْسَنَ عَمَلاً

*“Dan katakanlah: “Kebenaran itu datangnya dari Tuhanmu; Maka barangsiapa yang ingin (beriman) hendaklah ia beriman, dan barangsiapa yang ingin (kafir), biarlah ia kafir”. Sesungguhnya Kami telah sediakan bagi orang orang zalim itu neraka, yang gejolaknya mengepung mereka. dan jika mereka meminta minum, nescaya mereka akan diberi minum dengan air seperti besi yang mendidih yang menghanguskan muka. Itulah minuman yang paling buruk dan tempat istirahat yang paling jelek. Sesungguhnya mereka yang beriman dan beramal saleh, tentulah Kami tidak akan menyia-nyiakan pahala orang-orang yang mengerjakan amalan(nya) dengan yang baik.”*

(Surah al-Kahfi, 18:29-30)

Allah S.W.T menjelaskan dalam ayat di atas bahawa jika manusia memilih menjadi kafir, mereka akan diseksa di dalam azab neraka jahanam sebaliknya jika manusia memilih beriman kepada Allah S.W.T, mereka telah dijanjikan dengan syurga. Justeru adalah menjadi tanggungjawab kepada setiap muslim untuk mengajak orang bukan Islam memeluk Islam, memelihara kesucian Islam dan menjaga jati diri setiap individu muslim. Prinsip ini membawa satu gagasan yang amat unik iaitu pemelukan Islam dengan rasa rela hati dan bukan dengan paksaan.

Namun apabila seseorang telah menerima Islam maka dia tertakluk kepada hukum Islam sebagaimana firman Allah S.W.T.:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِنْهُمْ لَكُمْ عَدُوٌ مُّبِينٌ  
الشَّيْطَانُ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌ مُّبِينٌ

“Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Islam secara kaffah (menyeluruh dengan mematuhi segala hukum-hukumnya); dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata”.

(Surah al-Baqarah, 2:208)

Apabila seseorang memeluk Islam ia tidaklah dikatakan terus beriman. Sebagaimana pengakuan seorang badwi dari bani Asad yang baru memeluk Islam dan kemudian berkata bahawa dia telah beriman maka Allah S.W.T. menurunkan ayat:

قَالَتِ الْأَعْرَابُ إِمَانًا قُلْ لَمْ تُؤْمِنُوا وَلَكِنْ قُولُوا أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلِ  
 إِلَيْهِمْ فِي قُلُوبِكُمْ وَإِنْ تُطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَا يَلْتَكُم مِّنْ أَعْمَالِكُمْ شَيْئًا  
١٤  
 إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

“Orang-orang Arab Badui itu berkata: "Kami telah beriman". Katakanlah: "Kamu belum beriman, tapi katakanlah 'kami telah tunduk', kerana iman itu belum masuk ke dalam hatimu; dan jika kamu taat kepada Allah dan Rasul-Nya, dia tidak akan mengurangi sedikitpun pahala amalanmu; Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

(Surah al-Hujurāt, 49:14)

Pengajaran dari ayat di atas ialah iman adalah lebih khusus daripada Islam.<sup>45</sup> Apabila Malaikat Jibril bertemu dengan Rasulullah S.A.W. bertanyakan mengenai Islam, iman dan ihsan.<sup>46</sup> Rasulullah S.A.W. menjelaskan:

إِسْلَامٌ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَتَقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ وَتَحْجُجَ  
 الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سِيرًاً.

“Islam itu ialah, kamu bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad itu adalah utusan Allah, dan kamu mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji sekiranya kamu mampu”.<sup>47</sup>

Hadis ini sekali lagi menjelaskan secara langsung perbezaan antara iman dan Islam. Islam bermakna tunduk, menyerah dan mentaati Allah S.W.T. dan ketundukan itu

<sup>45</sup> Abī al-Fida Ismail ibn Kathīr al-Qarsyi al-Damasyqī (1986), *Tafsīr Ibnu Kathīr*, j. 4, Beirūt: Dār al-Fikr, h. 220.

<sup>46</sup> Nawāwī (1988), *Hadis Empat puluh*, Terjemahan Mustafa Abdul Rahman, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, hh. 71-116.

<sup>47</sup> Muslim bin al-Hajjaj (2006), *Šahīh Muslim*, Beirūt: Dārul Ma'rifah, j.1, hh. 101-111; Abī Daud bin al-Asha's al-Sajastanī, *Sunan Abi Daud*, Riyaḍh: Baitu al-Afkar al-Dauliyyah, j.1, h. 512; Abi Isa Muhammad bin Isa bin surah al-Tarmizi (t.t), *Jami' al-Tarmizi*, Riyadh: Baitu al-Afkar al-Dauliyyah, j.1, hh. 423-424, Abdul Rahman Ahmad bin Syu'aib bin 'Alī al-Syahirab (t.t), *Sunan al-Nasā'i*, Maktabah al-Ma'ārif, j.1, h. 757; Abī Abdullah Muḥammad bin Yazid al-Qazwainī al-Syāhirab (t.t), *Sunan Ibnu Majjah*, Maktabah al-Ma'ārif, j.1, hh. 25-26, Ahmad bin Ḥanbal (1995), *Musnad al-Imam Ahmad bin Ḥanbal*, Beirūt: Muassasah al-Risālah, j.1, hh. 434-436.

adalah lahir dari kesedaran dan bukan paksaan.<sup>48</sup> Manakala iman Allah S.W.T. menjelaskan:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَهَدُوا  
بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ لِئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ  
١٥

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu hanyalah orang-orang yang percaya (beriman) kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjuang (berjihad) dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah. Mereka itulah orang-orang yang benar”.

(Surah al-Hujurāt, 49:15)

Ini bermakna seorang yang beriman adalah menyakini keesaan Allah S.W.T dan kerasulan Rasulullah S.A.W. di dalam hati dan keyakinannya tidak dicemari dengan rasa syak dan ragu-ragu. Bahkan ia mampu diterjemahkan dengan pengorbanan harta dan jiwa ke jalan Allah S.W.T. bagi memastikan Islam ditegakkan.<sup>49</sup>

Justeru seseorang yang baru memeluk Islam belum sempurna keimanannya kerana ia belum sempurna melaksanakan syariat Islam dan keimanannya belum sampai ke dalam hati walaupun lidahnya telah melafazkan dua kalimah syahadah. Prinsip ini amat penting bagi menentukan saat mula seseorang itu Islam. Berdasarkan ayat di atas seseorang dikatakan Islam apabila dia mengucap dua kalimah syahadah. Manakala amalan keislamannya seperti kesempurnaan solat dan puasa adalah bukti keimanannya kerana ia memerlukan masa yang panjang sehingga iman mereka meresap ke dalam hati mereka. Oleh itu kesempurnaan pelaksanaan syariat Islam seseorang adalah bukti

<sup>48</sup> 'Abdul Karīm Zaydān (1993), *Uṣūl al-Da'wah*, j.1, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h. 4.

<sup>49</sup> Syed Qutub (1972), *Fi Zilāli al-Quran*, j. 6, Kaherah: Dār al-Syuruk, h. 3349.

keimanan seseorang. Manakala lafaz dua kalimah Syahadah adalah bukti keislaman.<sup>50</sup>

Sebagaimana hadis Rasulullah S.A.W. :

قَالَ بَعْنَاهُ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- فِي سَرِيرَةٍ فَصَبَّحَنَا الْحُرَقَاتِ مِنْ جُهَيْنَةَ فَأَذْرَكْتُ رَجُلًا فَقَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ . فَطَعَنْتُهُ فَوَقَعَ فِي نَفْسِي مِنْ ذَلِكَ فَدَكَرْتُهُ لِلَّتِي -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- « أَقَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَقَتَلَهُ ». قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّمَا قَاتَلَهَا حَوْفًا مِنَ السَّلَاحِ . قَالَ « أَفَلَا شَفَقْتَ عَنْ قَلْبِهِ حَتَّى تَعْلَمَ أَفَالَهَا أَمْ لَا ». فَعَمَّارَلَ يُكَرِّرُهَا عَلَى حَتَّى تَمَبَّثَ أَنِّي أَسْلَمْتُ يَوْمِيْذِ .

“Berkata (Usamah Bin Zaid) “Rasulullah S.A.W telah mengutuskan kami dalam kelompok askar yang kecil (untuk berperang) hingga kami berada di Kampung Huraqat dari suku Juhainah pada waktu pagi. Aku bertemu dengan seorang lelaki (yang bukan Islam dan mengejarnya), lalu dia mengucapkan lailaha illah lantas aku menikamnya. Sejak itu terasa sesuatu dalam hatiku. Lalu aku menceritakan kejadian itu kepada Rasulullah. Baginda bersabda “Apakah engkau membunuhnya sedangkan dia telah mengucapkan lailaha illah? Dia berkata : Aku menjawab “Wahai Rasulullah, dia mengucapkan demikian kerana takut kepada pedang.” Baginda bersabda :”Apakah engkau telah mengorek hatinya hingga engkau mengetahui dia bercakap benar atau tidak.? Baginda sentiasa mengulangi ucapan itu kepadaku sehingga aku merasakan bahawa aku belum menjadi muslim sebelum peristiwa itu”.<sup>51</sup>

Berdasarkan hadis ini, maka persoalan yang tersirat di dalam hati sama ada seseorang itu memeluk Islam secara ikhlas atau dengan tujuan tertentu tidak akan diambil kira.<sup>52</sup> Terdapat kaedah fiqh menegaskan bahawa “kita hanya menghukum yang zahir manakala Allah S.W.T akan menghukum yang tersembunyi”. Justeru, kewajipan orang Islam hanya berdakwah supaya ia memeluk Islam bukan menyemak keikhlasan hatinya memeluk Islam. Namun demikian selepas memeluk Islam maka hendaklah dia beriltizam

<sup>50</sup> Ibn Hajar al-Asqalani, *Fathu al-Bari*, j.1, hh. 39-40.

<sup>51</sup> Al-Hafiz Abī Abdullah Muḥammad bin Ismail al-Bukhārī, (1988), *Ṣaḥīḥ Buḥkārī*, j. 1, Riyaḍh: Baitu al-Afkār al-Dauliyyah, h. 807; Muslim bin al-Hajjāj (2006), *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 2, Beirūt: Dār al-Ma’arifah, h. 286; Abī Daud bin al-Asha’s al-Sajastānī, *Sunan Abu Daud*, Riyaḍh: Baitu al-Afkār al-Dauliyyah, hadith No. 2643.

<sup>52</sup> Muhammad NaimYassin (2008), *Iman rukun hakikat dan pembatalannya*, Alor Star: Pustaka Darul Salam, hh. 262-263.

dengan syariat Islam. Sekiranya dia keluar dari agama Islam maka dia sepatutnya bersedia untuk menerima hukuman yang telah ditetapkan oleh agama Islam kerana dia telah membatalkan iltizamnya dan melakukan sesuatu kesalahan atau jenayah.<sup>53</sup>

Oleh itu, sepatutnya tidak timbul persoalan murtad bagi para muallaf kerana mereka telah memeluk Islam dengan rela hati. Dua kalimah Syahadah yang diucapkan adalah pernyataan ikrar bahawa mereka menerima ajaran Islam keseluruhannya termasuklah larangan murtad dan kesediaan dihukum jika memilih jalan murtad. Malah program dakwah yang menjadi pendorong kepada pemelukan Islam adalah faktor pemangkin utama yang berteraskan ilmu pengetahuan mengenai Islam bagi seseorang memeluk Islam.

### **2.3.2 *Al-Tarbiyyah* (Pendidikan dan Pemerkasaan Iman Orang Islam)**

Menjadi satu kewajipan kepada sebuah kerajaan Islam untuk mendidik rakyatnya, sama ada Islam atau bukan Islam. *Tarbiyyah* atau pendidikan kepada orang Islam dibahagikan kepada dua iaitu orang yang baru memeluk Islam, dikenali sebagai muallaf dan orang Islam berasal dari keturunan. Justeru kedua-dua kelompok ini mesti dididik mengenai akidah yang sahih dan larangan melakukan jenayah murtad di dalam Islam. Penjelasan kepada dua kelompok ini adalah seperti berikut:

---

<sup>53</sup> Abdul Karīm Zaydān (1986), *Majmu' al-Buhuth al-Fiqhiyyah*, Beirūt: Muassasah al-Risālah, h. 124.

### 2.3.2.1 Pendidikan untuk Muallaf

Para muallaf dalam masyarakat melayu dikenali sebagai saudara baru, iaitu saudara baru di dalam Islam.<sup>54</sup> Sebagai orang baru dalam Islam, pastinya banyak perkara yang mereka tidak ketahui. Oleh itu menjadi kewajiban bagi orang Islam untuk mendidik mereka agar memahami Islam sebagai *al-dīn* iaitu dari ilmu akidah sehingga kepada ilmu akhlak. Kegagalan seorang muallaf mengenali Islam adalah seperti seorang buta dalam kehidupan dunia. Dia tidak mengetahui kenapa mereka diciptakan. Mereka juga tidak mengetahui hikmah kelahirannya di dunia. Kehidupan di dunia akan tamat tetapi dia tidak tahu kenapa dia bermula. Mereka akan keluar dari dunia sedangkan dia tidak tahu kenapa dia masuk kedalamnya.<sup>55</sup> Oleh itu mereka perlu belajar dan memahami Islam. Allah S.W.T memberi perumpaan kejahilan orang bukan kafir seperti haiwan yang melata, sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَالَّذِينَ كَفَرُواْ يَتَمَتَّعُونَ وَيَأْكُلُونَ كَمَا تَأْكُلُ الْأَنْعَمُ وَالنَّارُ مَثَوْيٌ لَهُمْ  


*“Dan orang-orang kafir bersenang-senang (di dunia) dan mereka makan seperti makannya binatang, dan Jahannam adalah tempat tinggal mereka.”*

(Surah Muhammad, 47:12)

Justeru seseorang yang baru memeluk Islam hendaklah mempelajari isi kandungan Islam kerana Islam bukan agama yang dicipta oleh manusia tetapi berdasarkan ajaran *al-Qur’ān* dan *al-sunnah*. Sesuai dengan pandangan para fuqaha

<sup>54</sup> Noresah Baharom, *op.cit*, h. 900.

<sup>55</sup> Abdul Majid Aziz al-Zindānī (2004), *Kitāb al-Tauhīd*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 29.

bahawa urusan pertama dalam agama adalah mengenali Allah S.W.T. Rasulullah S.A.W bersabda:

قَالَ إِنَّكَ تَأْتِي قَوْمًا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ . فَادْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةٍ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ رَسُولَ اللَّهِ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلَمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ حَمْسَ صَلَوةً فِي كُلِّ يَوْمٍ وَيَلْلَةً فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلَمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَاهُمْ فَتُرْدُ فِي فُقَرَاءِهِمْ

*“Sesungguhnya engkau akan bertemu dengan satu kaum daripada ahli kitab. Maka serulah mereka supaya mempersaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku adalah utusan Allah. Jika mereka taat, maka beritahulah mereka bahawa Allah menfardhukan ke atas mereka solat lima waktu sehari semalam. Jika mereka taat, maka beritahulah mereka bahawa Allah menfardhukan ke atas mereka sedekah (zakat) yang diambil dari orang kaya dan dikembalikan kepada orang miskin”<sup>56</sup>*

Berdasarkan kepada hadis ini, adalah menjadi kewajipan kepada muslim untuk menyampai risalah tauhid kepada orang bukan Islam. Jika mereka menerima seruan dakwah hendaklah mereka dididik untuk mengetahui kewajipan seorang muslim. Ini kerana dakwah adalah satu proses untuk memujuk dan mengajak orang bukan Islam supaya memeluk Islam. Manakala pendidikan adalah lebih khusus kepada proses menyampaikan ilmu, membimbing dan mendidik untuk mengamalkan ilmu yang dipelajari. Bermula dari bab tauhid dan dikuti bab solat, dan seterusnya zakat serta kewajipan lain.

---

<sup>56</sup> Muslim bin al-Hajjaj (2006), *Şahîh Muslim*, Beirut: Dâr al-Mâ’arifah, j. 1, hh. 145-147; al-Hafiz Abî Abdullah Muhammad bin Ismail al-Bukhâri (1998), *Şahîh Bukhâri*, Riyâdî: Bait al-Afkâr al-Dauliyyah, j.1, h. 272; Abî Daud bin al-Asha’s al-Sajastânî, *Sunan Abu Daud*, Riyâdî: Bait al-Afkâr al-Dauliyyah, j.1, h. 188, Abî Isa Muhammad bin Isa bin Surah al-Tarmizî, *Jami’al-Tarmizi*, Riyâdî: Bait al-Afkâr al-Dauliyyah, j. 1, h. 123, Abî Abdul Rahman Ahmad bin Syuaib bin ‘Alî al-Syâhirab (t.t), *Sunan al-Nasâ’i*. Riyâdî: Maktabah al-Mâ’arif, j.1, h. 376; Abî Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwaini al-Syâhirab, (t.t), *Sunan Ibnu Majjah*, Riyâdî: Maktabah al-Mâ’arif, j.1, hh. 309-310; Ahmâd bin Hanbal (2001), *Musnad Imâm bin Hanbal*, Beirût: Muassasah al-Risâlah, j. 3, h. 498.

Seterusnya Nabi S.A.W. juga menjelaskan bahawa pendidikan kepada para muallaf hendaklah secara berperingkat-peringkat dan bukan secara mendadak. Umpamanya dalam bab solat. Ianya dimulakan dengan mempelajari pergerakan fizikal di dalam solat. Kemudian barulah menghafal bacaan-bacaan wajib dalam solat. Sebelum muallaf tadi mampu menghafal bacaan-bacaan tersebut, mereka dibenarkan sekadar membaca tasbih sebanyak tujuh kali sahaja. Selepas mereka menguasai bacaan-bacaan yang wajib dalam solat maka barulah diajar bacaan-bacaan yang sunat.<sup>57</sup>

### 2.3.2.2 Pemerkasaan Iman di Kalangan Orang Islam

Iman seorang Islam sentiasa bertambah dan berkurang. Hanya iman para nabi sahaja yang meningkat. Justeru sebagai orang Islam adalah menjadi kewajipan kepada mereka untuk memelihara keimanan kepada Allah S.W.T. Oleh itu teras pendidikan Islam adalah mentauhidkan Allah S.W.T. Tasawur pendidikan Islam dijelaskan oleh Allah S.W.T. di dalam ayat berikut:

يَتَأْكُلُهَا الْذِينَ لَمْ يُؤْمِنُوا أَدْخُلُوهُمْ كَافَّةً وَلَا تَتَبَعُوهُمْ خُطُواتِ  
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌ مُّبِينٌ

“Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Islam secara kaffah (menyeluruh dengan mematuhi segala hukum-hukumnya); dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.”

(Surah al-Baqarah, 2:208)

<sup>57</sup> Mohamad Nizam Abd. Kadir (2009), *Fiqh Berinteraksi dengan Non Muslim*, Kuala Lumpur: Telaga Biru, h. 166.


مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتَيْهُ اللَّهُ الْكِتَبَ وَالْحُكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا  
عِبَادًا لِّي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِكُنْ كُونُوا رَبِّنِينَ بِمَا كُنْتُمْ تُعْلِمُونَ الْكِتَبَ  
وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ

*“Tidak wajar bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya al-kitab, hikmah dan kenabian, lalu dia berkata kepada manusia: “Hendaklah kamu menjadi penyembah-penyembahku bukan penyembah Allah.” akan tetapi (Dia berkata): “Hendaklah kamu menjadi orang-orang rabbani, kerana kamu selalu mengajarkan al-Kitab dan disebabkan kamu tetap mempelajarinya.”*

(Surah Ali-Imrān, 3:79)

Berdasarkan dua ayat di atas, maka gambaran pendidikan Islam boleh diterjemahkan oleh penulis seperti gambarajah di bawah:

**Gambarajah 2.2: Model Pendidikan Rabbani.**



Gambarajah 2.2 di atas, menjelaskan bahawa pendidikan di dalam Islam adalah berteraskan tauhid atau ketuhanan atau *rabbaniyyah*.<sup>58</sup> Allah S.W.T. sebagai sumber kepada segala jenis ilmu, akhlak dan bakat serta potensi yang ada pada manusia. Justeru semua jenis ilmu, bakat, potensi dan kemahiran yang ada pada manusia hendaklah dijuruskan untuk mereka lebih mengenali Allah S.W.T. Oleh itu ilmu wahyu akan membawa manusia mengenali Allah S.W.T. dan bagaimana menyembah-Nya kerana ia adalah fitrah manusia. Natijah dari keyakinan dan ketaatan manusia kepada Allah S.W.T. akan melahirkan akhlak mulia sebagai cermin ketinggian dan kemulian diri sebagai seorang manusia. Contohnya, apabila seseorang mempelajari ilmu sains sebagai salah satu cabang ilmu maka ia akan bertemu dengan tanda-tanda kewujudan dan kekuasaan Allah S.W.T. sepetimana ia mempelajari dari ilmu akidah sebagai salah satu cabang ilmu wahyu. Kesannya, bakat dan potensi yang ada pada dirinya akan terangsang untuk mengenali Allah S.W.T. dengan lebih dekat dan menyembah Allah S.W.T. Ketaatan kepada Allah S.W.T. akan membawaakan akhlak yang mulia sebagaimana firman-Nya:

اَتَلُ مَا اُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَبِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ  
١٥

*“Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, iaitu al-Kitab (al Qur’ān) dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar. Dan Sesungguhnya mengingat Allah (solat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain). Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.”*

(Surah al-Ankabūt, 29: 45)

---

<sup>58</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk, Sidek Baba (2006), *Pendidikan Rabbani*, Shah Alam: Karya Bistari.

Kegagalan manusia memenuhi standard ini akan merendahkan martabat manusia sehingga lebih rendah dari haiwan. Hakikat ini dijelaskan oleh Allah S.W.T:

وَلَقَدْ ذَرَّا نَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِنْ أَلْجِنَ وَالْإِنْسِ هُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ  
بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبَصِّرُونَ بِهَا وَهُمْ إِذَا نَّاهَى لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَمِ  
بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ



*“Dan sesungguhnya kami jadikan untuk (isi neraka Jahannam) kebanyakan dari jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu sebagai binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai”.*

(Surah al-A’arāf, 7:179)

Oleh itu sistem pendidikan dalam sebuah negara Islam menjurus ke arah mengagungkan Allah S.W.T dalam semua mata pelajaran yang diambil. Di samping itu, para pelajar juga mesti diberi penekanan mengenai larangan melakukan jenayah termasuk jenayah murtad, kerana ia adalah larangan Allah S.W.T.

### 2.3.3 *Al -Wiqāyah* (Pencegahan dan Perlindungan)

Kesalahan murtad adalah jenayah yang paling besar di dalam Islam. Justeru pemerintah hendaklah mengambil tindakan pencegahan yang bersungguh-sungguh bagi menangani jenayah ini. Malah para ulama mengusulkan supaya langkah jihad untuk mempertahankan akidah hendaklah diambil bagi membendung jenayah tersebut. Sebagaimana firman Allah S.W.T.:

وَقَتْلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الْدِينُ لِلَّهِ فَإِنْ أَنْهَوْا فَلَا عُذْوَانَ إِلَّا

عَلَى الظَّالِمِينَ

“Dan perangilah mereka itu, sehingga tidak ada fitnah lagi dan (sehingga) ketaatan itu hanya semata-mata untuk Allah. Jika mereka berhenti (dari memusuhi kamu), maka tidak ada permusuhan (lagi), kecuali terhadap orang-orang yang zalim.”

(Surah al-Baqarah, 2:193)

فَاقْتُلُوا الْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدُّوكُمْ وَخُذُوهُمْ وَاحْصُرُوهُمْ وَاقْعُدُوهُمْ

لَهُمْ كُلُّ مَرْضَدٍ فَإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكُوَةَ فَخَلُوْ

سِيَلُهُمْ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

“Maka bunuhlah orang-orang musyrikin itu di mana saja kamu jumpai mereka, dan tangkaplah mereka. Kepunglah mereka dan intailah di tempat pengintaian. Jika mereka bertaubat dan mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka berilah kebebasan kepada mereka untuk berjalan. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

(Surah at-Taubah, 9:5)

Kedua-dua ayat di atas, menjelaskan bahawa seruan jihad mempertahankan akidah<sup>59</sup> diisytiharkan oleh Allah S.W.T bagi melemahkan golongan yang mendustakan dan mensyirikkan Allah S.W.T. Namun jika mereka bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam hendaklah membebaskan mereka. Inilah yang telah dilakukan oleh Abū Bakr al-Siddiq apabila berhadapan dengan golongan murtad pada zamannya.<sup>60</sup> Jihad yang dimaksudkan adalah untuk menekan hawa nafsu, melawan godaan syaitan, membala

<sup>59</sup> Syed Qutub (2002), *Fī Dzilālī al-Quran*, j. 1, Beirūt: Dār al-Syuruk, h. 187.

<sup>60</sup> Akbar Shah Najeebabadi (2000), *The History of Islam*, j.1, Riyadh: Darussalam, hh. 280-297.

serangan orang bukan Islam dan munafik serta mencegah kezaliman sesama manusia.<sup>61</sup>

Ini bermakna tujuan jihad di dalam Islam bukanlah untuk membunuh bagi mendapat kemasyhuran dan kekayaan dunia, tetapi adalah untuk menghalang kemusnahan dan kebinasaan akidah dan memelihara kesucian syariat Islam serta menjamin keadilan manusia sejagat dengan usaha yang bersungguh-sungguh melalui jalan dakwah.<sup>62</sup>

Oleh itu, rakyat tidak akan terdorong untuk melakukan kejahatan kerana semua lubang kejahatan telah ditutup dengan bersungguh-sungguh. Begitu juga dorongan, ruang dan peluang untuk murtad juga dipadamkan supaya tidak terdetik sedikit pun untuk mereka murtad. Namun jika mereka memilih untuk murtad juga maka tidak menjadi kesalahan kepada pemerintah menjatuhkan hukuman kerana tindakan tersebut adalah pilihan mereka sendiri.

### **2.3.4 *Al-'Uqūbah (Penguatkuasaan Undang-undang dan Hukuman)***

Apabila pelbagai usaha di atas telah dilakukan oleh pemerintah untuk mengawal akidah orang Islam tetapi masih lagi berlaku jenayah murtad maka para penjenayah murtad hendaklah dihukum supaya gelaja murtad tidak merebak di kalangan rakyat. Di samping itu, ia juga akan menimbulkan rasa takut untuk keluar dari Islam.

---

<sup>61</sup> Ibn Qayyim al-Jauziah (t.t), *Zaddu al-Mā'ad Fi Huda Khairul al-Ibād*, j. 2, Beirūt: Dār al-Ihya al-Turath al-Arabi, h. 43.

<sup>62</sup> Syeikh Rajab Dib (2000), *Uddatu al-Dua 'ah*, Damsyik: Dār al-Afnan, h. 55.

### 2.3.4.1 Pensabitan Jenayah Murtad

Jenayah murtad berlaku apabila seseorang muslim secara sukarela meninggalkan agama Islam dan tidak lagi mengamalkan ajaran Islam sama ada seseorang itu Islam secara keturunan atau seorang muallaf. Ini adalah merujuk kepada pandangan yang diberikan oleh Imam al-Husnī,<sup>63</sup> al-Syaykh ‘Abd al-Qadīr Awdah,<sup>64</sup> Wahbah al-Zuhailī<sup>65</sup> dan Sayyid Sābiq.<sup>66</sup> Oleh itu sebelum mahkamah mengesahkan bahawa penjenayah tersebut telah murtad, elemen-elemen di bawah hendaklah dibuktikan sebelum seseorang itu disabitkan dengan jenayah murtad.

#### a. Berakal.

Imam Ahmad yang menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : (رُفِعَ الْقَلْمَنْ عَنْ تَلَكَّتِهِ : عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيقِظَ ، وَعَنِ الْمُبَيَّلِ حَتَّى يَبْرُأ ، وَعَنِ الصَّبَّابِيِّ حَتَّى يَكُبُّر) .<sup>67</sup>

*Daripada Aisyah r.a. Rasulullah S.A.W. bersabda : “Diangkat pen (tidak disabitkan kesalahan) dari tiga golongan :orang yang tidur sehingga dia sedar, orang gila sehingga dia waras dan kanak-kanak sehingga dia baligh.”*

<sup>63</sup> Al-Husnī (1995/1416h), *Kifāyat al-Akhyār Fi Hil Ghāyat al-Ikhtiṣār*, Beirūt: Dār al-Khayr, j. 2, h. 493.

<sup>64</sup> Abdul Qādir ‘Awdah, (1994/1415h), *al-Tashri’ al-Jina’i al-Islāmi Muqārinan Bi al-Qānūn al-Wad’i*, j. 1, Beirūt: Muassasah al-Risālah, h. 66.

<sup>65</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1989/1409h), *al-Fiqh al-Islāmi Wa Adillatuhu*, j. 6, Dimashq: Dār al-Fikr, h. 183.

<sup>66</sup> Sayyid Sābiq (1990), *Fiqh al-Sunnah*, j. 9, Kuala Lumpur: Victoria Agencie, h. 159.

<sup>67</sup> Abī Daud Sulayman bin al-Asha’as al-Sajashtani (2004), *Sunan Abī Daud*. Kitab al Hudud, Hadis: 4398, Damsyik: Maktabah Ibnu Hajar, h. 869.

Seseorang hanya boleh disabitkan dengan kesalahan murtad jika mereka dibuktikan waras dan berakal semasa berlaku kejadian murad. Oleh itu hilang akal akan menyebabkan seseorang tidak boleh disabitkan dengan kesalahan murtad.

Sekiranya seseorang mabuk atau hilang ingatan bukan kerana minum minuman yang memabukkan dan menjadi murtad maka ia tidak disabitkan dengan kesalahan murtad. Tetapi jika sebaliknya maka para ulama berselisih pendapat. Pendapat pertama yang dikemukakan oleh sebahagian ulama mazhab Ḥanbālī, Shāfi’ī, Mālikī dan Ja’fāriyyah berpendapat bahawa mereka boleh disabitkan dengan kesalahan murtad.<sup>68</sup> Manakala ulama mazhab Ḥanafī dan ẓahīrī berpendapat tidak sabit murtad.<sup>69</sup> Bagi situasi gila pula jika gila itu berkekalan maka ia tidak sabit murtad.<sup>70</sup> Tetapi jika ia berlaku secara berkala dan dia murtad semasa dia tidak gila maka sabit murtadnya.<sup>71</sup> Bagi kes murtad kerana disihir maka ia tidak boleh disabitkan dengan kesalahan murtad kerana dia tidak berakal.<sup>72</sup>

<sup>68</sup> Al-Maqṣidī (1367H), *Al-Mughnī*, j. 8. Misr: Tab Idarat al-Manar, h. 147; Lihat juga al-Bahūtī (1402H), *Kashshaf al-Qanna ‘An Matn al-Iqna*, j. 4. Beirūt: Dār al-Fikr, h. 105; al-Sharbīnī (t.t), *Mughnī al-Muhtaj ilā Ma’rifah Ma’ani Alfaz al-Minhāj*, j. 4. Beirut: Dār al-Fikr, h. 133; al-Sawī (1372H), *Hāshiyah al-Sawī ‘ala al-Sharh al-Saghīr li al-Dardir*, j. 2. Mesir: Matba’ah Mustafa al-Bābī al-Habi, h. 418; Lihat juga al-Hūlī (1368H), *Sharā’i al-Islām fi Masa’il al-Hal wa al-Harām*, j. 4. Kaherah: Matba’ah al-Qaherah, h. 185.

<sup>69</sup> Al-Kasānī (1982), *Badā’i al-sana’i fi tartib al-shara’i*, t.temp: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 134; Lihat juga Ibn ‘Abidin (1386H), *Radd al-Muhtār ‘alā al-Dur al-Mukhtār*, j. 4. Mesir: Matba’ah Mustafa al-Bābī al-Halabī wa Awlāduhu. h. 224; Lihat juga Ibn Hazm (t.t), *al-Muhalla*, j. 11, Beirūt: al-Maktab al-Tijārī, hh. 293-294.

<sup>70</sup> Al-Maqdisi (1367H), *al-Mughnī*, j. 8, Misr: Tab Idarah al-Manar, h. 147; Lihat juga al-Sharbīnī (t.t), *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma’rifah Ma’ani alfaz al-Minhāj*, j. 4, Beirūt: Dār al-Fikr, h. 133; al-Kasānī (1982), *Badā’i al-Sanā’i fi Tartib al-Sharā’i*, j. 7, Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 134; Ibn ‘Abidin (1386H), *Radd al-Muhtājj*, j. 4, Misr: Matba’ah Mustafa al-Bābī al-Halabī wa Awlāduhu, h. 224.

<sup>71</sup> al-Kasānī (1982), *ibid.*, h. 134.

<sup>72</sup> Arieff Salleh Rosman (2001), *Murtad Menurut Perundangan Islam*, Johor: Universiti teknologi Malaysia, h. 13.

## b. Baligh.

Imam Ahmad meriwayatkan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : (رُفِعَ الْقَلْمَنْ عَنْ ثَلَاثَةِ : عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ ، وَعَنِ الْمُبْتَلِي حَتَّى يَبْرُأ ، وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَكُبرُ) .<sup>73</sup>

Daripada Aisyah r.a., Rasulullah S.A.W. bersabda : “Diangkat pen (tidak disabitkan kesalahan) dari tiga golongan :orang yang tidur sehingga dia sedar, orang gila sehingga dia waras dan kanak-kanak sehingga dia baligh.”

Oleh itu Imam Abū Yūsuf berpendapat murtad seorang kanak-kanak adalah tidak sah.<sup>74</sup> Walau bagaimanapun Imam Abū Ḥanīfah dan Imam Muhammad al-Syaibānī berpendapat sah perbuatan murtad seorang kanak-kanak.<sup>75</sup>

## c. Pilihan Sendiri (Sukarela).

Merujuk kepada kes ’Amar bin Yasir yang dipaksa murtad, maka orang yang dipaksa murtad tidak sah murtadnya.<sup>76</sup> Sebagaimana firman Allah S.W.T.:

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أَكْرَهَ وَقَلْبُهُ مُطَمِّنٌ بِالْإِيمَانِ  
وَلِكِنْ مَنْ شَرَحَ بِالْكُفُرِ صَدِرًا فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِّنَ اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ

عَظِيمٌ

<sup>73</sup> Abī Daud Sulayman bin al-Asha’as al-Sajashtani (2004), *op.cit.*, h.

<sup>74</sup> Al-Maqdisi (1367H), *al-Mughnī*, j. 8, Misr: Tab Idārah al-Manar, h.134.

<sup>75</sup> *Ibid.*, h. 134.

<sup>76</sup> Sayyid Sābiq (1981), *Fiqh al-Sunnah*, j. 2, Beirūt : Dār al-Fikr, h. 381.

*“Barangsiapa yang kafir kepada Allah sesudah dia beriman (Dia mendapat kemurkaan Allah), kecuali orang yang dipaksa kafir padahal hatinya tetap tenang dalam beriman (dia tidak berdosa), akan tetapi orang yang melapangkan dadanya untuk kekafiran, maka kemurkaan Allah menimpanya dan baginya azab yang besar”.*

(Surah al-Nahl, 16:106)

Oleh itu murtad hanya berlaku apabila seorang Islam secara sukarela mengisyiharkan dirinya murtad sama ada secara iktikad, lisan atau perbuatan.<sup>77</sup>

#### **d. Bukti Keluar dari Agama Islam.**

Bagi mensabitkan seseorang dengan kesalahan murtad, pihak pendakwa juga hendaklah membuktikan bahawa orang yang tertuduh, telah keluar dari Islam. Seseorang boleh keluar dari Islam, sama ada secara lisan, iktikad atau amalan.<sup>78</sup> Oleh itu bukti keluar dari Islam boleh dikemukakan berasaskan daripada salah satu cara tersebut.

#### **e. Niat Keluar Islam.**

Berdasarkan kepada hadis:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ  
“sesuatu amal itu(dihitung) dengan niatnya”.<sup>79</sup>

<sup>77</sup> Mustafa al-Khin & Mustafa al-Bughā (1998), *al-Fiqh al-Manhaji*, j. 3, Damsyik: Dār al-Qalām, hh. 466-467.

<sup>78</sup> Abdul Rahman al-Jaziri, (1986), *Kitab al-Fiqh ‘ala al-mazhabī al-arba’ah*, j. 5, t.tem.:Dār al-Fikr, hh. 422-423

<sup>79</sup> Muslim bin al-Hajjaj (2006), *Sāhih Muslim*, j. 13, Beirūt: Dār al-Ma’arifah, hh. 55-56, al-Hafiz Abī Abdulah Muḥammad bin Ismail al-Bukhārī (1999), *Sāhih Muslim*, j.1, Damsyik: Dār al-Fiha’, h. 1; Abī Daud bin al-Asha’s al-Sajastani, *Sunan Abu Daud*, j. 1, Riyaḍh: Bait al-Afkār al-Dauliyah, hh. 250-251; Abī Isa Mumamad bin Isa bin Surah al-Tarmizi, *Jami’al-Turmizi*, j. 1, Riyaḍh: Bait al-Afkār al-Dauliyah, h. 286; Abī Abdul Rahman Ahmad bin Syuaib bin Alī al-Syahirab (t.t), *Sunan al-Nasā’i*, j. 1, Riyaḍh: Maktabah al-Ma’ārif, h. 20; Abī Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwainī al-Syahirab (t.t), *Sunan Ibnu Majjah*, j. 1, Riyaḍh: Maktabah al-Ma’ārif, h. 701; Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnād Imaam Ahmad bin Ḥanbal*, j. 1. Beirūt: Muassasah al-Risālah, h. 303.

Maka menjadi tanggungjawab hakim untuk memastikan bahawa orang kena tuduh melakukan tindakan keluar dari Islam dengan niat yang sah. Justeru jika dia melafazkan apa-apa ucapan atau perbuatan atau menyakini suatu iktikad tanpa niat untuk kafir maka dia tidak dikatakan kafir.<sup>80</sup>

#### **2.3.4.2 Kesaksian**

Ulama bersepakat bahawa pembuktian jenayah boleh menggunakan saksi, pengakuan dan sumpah.<sup>81</sup> Walau bagaimanapun para ulama berselisih pendapat mengenai kesaksian bagi kesalahan murtad. Al-Hassan berpendapat bahawa pendakwa mestilah mengemukakan empat orang saksi kerana *dīqiyāskan* dengan jenayah zina. Manakala Ḥanābilah, Mālikī, al-Auzai'i, Syāfi'ī, dan Ḥanāfiah berpendapat memadai dengan dua orang saksi sahaja kerana murtad tidak boleh *dīqiyāskan* dengan kesalahan lain memandangkan hukuman yang berbeza bagi setiap kesalahan.<sup>82</sup>

#### **2.3.4.3 Pembuktian**

Beban pembuktian kesalahan murtad adalah tertakluk sama ada ia dikategorikan sebagai hudud atau ta'zir. Jenayah hudud bermaksud hukuman bagi sesuatu jenayah yang

---

<sup>80</sup>Muhammad bin Ahmad al-Ramli (t.t), *Nihāyatū al-Muhtāj*, j. 7, Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 394.

<sup>81</sup>Mustafa al-Hin, Mustafa al-Bugha dan Ali al-Sharyahi, (1998), *al-Fiqh al-Manhājī*, Damshiq : Dār al-Qalām, h. 469. Ruzman Mohd Noor, "Pembuktian di Mahkamah Syariah", dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.)(2005), *Undang-Undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 175.

<sup>82</sup>Abdul Karim Zaydan, *Al-Mufassal*, op.cit., h. 324.

telah ditetapkan oleh Allah S.W.T dan tidak boleh dikurangkan atau ditambah.<sup>83</sup>

Hukuman jenayah murtad disepakati secara ijmak oleh para ulama dengan hukuman bunuh. Oleh itu Syāfi'īyyah dan Mālikiyah meletakkan perbahasan murtad di dalam bab hudud sebagai salah satu jenayah hudud. Manakala Ḥanāfiyyah menggugurkan murtad sebagai sebahagian dari jenayah hudud tetapi ia adalah di bawah kesalahan ta'zir.<sup>84</sup>

Pandangan Ḥanāfiyyah di sokong oleh al-Sarakhsī, di mana beliau berpendapat bahawa murtad bukanlah jenayah hudud.<sup>85</sup> Beliau berpendapat demikian kerana bagi kesalahan hudud, setiap penjenayah yang telah disabitkan oleh mahkamah dengan kesalahan hudud wajib dikenakan hukuman walaupun dia telah bertaubat. Contohnya dalam kesalahan *hirābah*, seseorang yang sabit dengan kesalahan ini tetap dikenakan hukuman walaupun dia telah bertaubat. Keadaan ini tidak berlaku dalam kesalahan murtad. Umpamanya Rasulullah S.A.W. telah membebaskan Abdallah Ibn Saad Ibn Abī Sarh yang telah disabitkan kesalahan murtad apabila dia bersetuju bertaubat.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa kebanyakan ulama yang bersetuju bahawa murtad adalah jenayah hudud. Oleh itu tahap pembuktian kes murtad hendaklah sampai ke tahap yakin dan ia akan gugur dengan elemen *shubhah*.<sup>86</sup> Manakala ulama yang berpendapat ia adalah kesalahan ta'zir maka keterangan cukup dengan *zan al-ghālib*

---

<sup>83</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuhu*, j. 6, Beirūt: Dār al-Fikr, h. 13; Muṣṭafa al-Khin & Muṣṭafa al-Bugha, *Fiqh al-Manhaji*, h. 416.

<sup>84</sup> Alauddin Ibn Masu'd al-Kasānī (1986), *Bada'i al-sanā'i*, j. 7, Beirūt: Dār al-Kurub al-Ilmiyyah, h. 56; Abdul Rahman al-Jazīrī, *Fiqh 'ala al-Mazāhib al-Arba'ah*, j. 5, *op.cit.*, hh. 8-9.

<sup>85</sup> Abu Bakr Muhammad bin Ahmad bin Abī Sahl al-Sarakhsī (2001), *Kitāb al-Mabsut*, j. 10, Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, hh. 116-119.

<sup>86</sup> Ismail Bin Mohamad al-Ajluni, (1162H), *Kashfu al-Khafā'*, jilid 1, Kaherah : Dār al-Turas, hh. 73-74.

sahaja. Ini bererti pembuktian jenayah murtad di mahkamah lebih mudah tetapi hukumannya terlalu berat. Kesannya akan menggerunkan orang Islam untuk murtad.<sup>87</sup>

#### 2.3.4.4 Bidangkuasa

Kes murtad mesti diputuskan di mahkamah. Oleh itu mahkamah hendaklah mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kes ini. Institusi kehakiman di zaman nabi dipimpin sendiri oleh Rasulullah s.a.w dan dibantu oleh beberapa orang sahabat seperti saidina Ali dan Muaz ibn Jabal.<sup>88</sup> Pada masa ini syariat Islam dilaksanakan sepenuhnya diseluruh wilayah Islam, termasuk kes murtad.

Manakala bidang kuasa mahkamah dari sudut had keluasan wilayah, bagi kes murtad dinyatakan di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Sūdi, bahawa:

فَقَدِمْ بِحَاجَرٍ مِنَ الشَّامِ إِلَى الْمَدِينَةِ يَجْمِلُونَ الرِّبَّتِ . فَلَمَّا بَاعُوا وَأَرَادُوا أَنْ يَرْجِعُوْا أَتَاهُمْ أَبْنَا أَيْنَ الْحَصَنِينَ،  
فَدَعَوْهُمَا إِلَى النَّصْرَانِيَّةِ، فَتَّصَرَّرَا فَرِحَّعَا إِلَى الشَّامِ مَعَهُمْ . فَأَتَى أَبُوهُمَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ،  
فَقَالَ إِنَّ ابْنَيَ نَصَارَى وَخَرَبَا، فَأَطْلُبُهُمَا؟ فَقَالَ: "لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ" وَمَمْ يُؤْمِنْ يَوْمَئِذٍ بِقِتَالِ أَهْلِ الْكِتَابِ ،  
وَقَالَ: أَبْعَدُهُمَا اللَّهُ! هُمَا أَوْلُ مَنْ كَفَرَ !

“Sekumpulan pedagang ( beragama Kristian) dari Sham datang berdagang minyak ke Madinah. Semasa mereka hendak pulang, dua orang anak Abu Huṣayn(beradik beragama Islam) menemui mereka dan memeluk agama Kristian serta mengikut rombongan tersebut pulang ke Sham. Ayah mereka berdua menemui Rasulullah S.A.W dan memohon supaya dihantar pasukan bersenjata untuk membawa pulang anak-anaknya. Rasulullah menolak permohonan Abu Huṣayn<sup>89</sup> (kerana belum diperintahkan supaya memerangi

<sup>87</sup> Shamrahayu Abdul Aziz & Mohd Hisham Mohd Kamal (2005), *Murtad Dalam Perundangan Islam*, dalam Farid Sufian Shuaib (ed.), Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, h. 21.

<sup>88</sup> Muhammad Salam Madkur, (1964), *al-Qaḍa fi al-Islam*, Kaherah: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah, hh. 22-30.

<sup>89</sup> Abu Abdullah Muhammad Ibn Ahmad al-Anṣāri al-Qurtubī (t.t), *al-Jami' lil Ahkām al-Quran*, j. 3, Beirūt : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 182.

*ahli kitab) seraya berkata "Semoga Allah jauhkan kedua-dua mereka daripada rahmat-Nya, kedua-dua mereka adalah antara yang pertama menjadi kafir."*<sup>90</sup>

Hadis ini menunjukkan bahawa nabi S.A.W tidak mengambil tindakan ke atas anak-anak Abu Huṣayn kerana ia telah berada di luar bidang kuasa negara Madinah. Tambahan pula membawa angkatan bersenjata ke negara Sham bermakna Baginda menceroboh negara tersebut.<sup>91</sup>

Begitu juga dengan perjanjian Hudaibiyyah. Antara isi perjanjian tersebut ialah apabila orang Islam berpaling tada dan lari ke Mekah, maka ia tidak akan dikembalikan.<sup>92</sup> Oleh itu apabila Abdullah Ibn Sa'ad ibn Abi Sarh murtad dan lari ke Mekah, Nabi Muhammad S.A.W. tidak mengambil apa-apa tindakan kerana beliau sudah berada di luar negara Madinah. Namun demikian apabila kota Mekah dibuka oleh Rasulullah, Abdullah Ibn Sa'ad ibn Abi Sarh kembali memeluk Islam dan *berbai'ah* semula dengan Rasulullah S.A.W. dan beliau tidak dihukum oleh Rasulullah S.A.W., walaupun Mekah telah menjadi sebahagian daripada wilayah negara Islam Madinah.<sup>93</sup>

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa di samping fakta kes yang betul, Rasulullah S.A.W. juga mengambilkira soal bidang kuasa. Apabila sesuatu kes berlaku tetapi berada di luar bidang kuasa maka Rasulullah S.A.W. tidak mengambil tindakan.

<sup>90</sup>Abu al-Fida' Ismail Ibnu Kathīr (2000), *Tafsīr al-Quran al-'Azim*, t.em.: Dār al-Ihya al-Turath al-'Arabī, j. 1, h. 321; Abī Jaafar Muhammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī*, j. 5, Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah, h. 410; Abī Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Anṣāri al-Qurtubī (2009), *Tafsīr al-Qurtubī*, j. 2. Beirut: al-Maktabah al-Asriyah, hh. 184-185; Jalaluddin al-Sayūti (t.t), *al-Durru al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma'thūr*, j. 3, Kaherah: (t.p), hh. 197-198.

<sup>91</sup> Mohd Hisham Mohd Kamal (2009), *Kebebasan Beragama dan Isu Riddah Dari Pespektif Syariah*, Gombak: Jabatan Undang-Undang dan Pusat Undang-Undang Harun M. Hashim, UIAM, h. 72.

<sup>92</sup> Ibnu Hisyam (1971), *al-Sirah al-Nabawiyah*, j. 3, Beirūt: t.p, hh. 323-337.

<sup>93</sup> Mohd Hisham Mohd Kamal, *op.cit.*, h. 72.

Bukan kerana hukuman murtad gugur tetapi kerana penjenayah berada di luar bidangkuasa negara Madinah. Sedangkan negara tersebut adalah negara *harbi* yang tidak mungkin Nabi Muhammad S.A.W. mengambil mereka secara baik dan aman sebaliknya akan mencetuskan perperangan kerana mereka akan menganggap angkatan bersenjata negara Islam Madinah telah menceroboh negara mereka.

#### 2.3.4.5 Hukuman Murtad

Hukuman murtad boleh dilihat dari kenyataan Allah S.W.T di dalam al-Quran dan hadis Rasulullah S.A.W. Di dalam al-Quran Allah S.W.T mengecam sekeras-kerasnya orang-orang yang murtad. Antaranya firman Allah S.W.T:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا ثُمَّ ءَامَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا ثُمَّ آزَدَادُوا كُفْرًا لَّمْ يَكُنْ  
اللَّهُ لِيغْفِرَ لَهُمْ وَلَا لِيَهْدِيهِمْ سَبِيلًا

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, kemudian kafir, kemudian beriman semula, kemudian kafir lagi, serta bertambah-tambah lagi kekufurannya selepas itu, Allah tidak akan mengampunkan mereka dan tidak akan menunjukkan jalan yang benar”.

(Surah al-Nisā', 4:137)

وَلَا تَرْتَدُوا عَلَى أَدْبَارِكُمْ فَتَنَقْلِبُوا خَسِيرِينَ

“Dan janganlah kamu berpaling tada (murtad) ke belakang maka kamu akan rugi serugi-ruginya.”

(Surah al-Māidah, 5:21)

مَنْ يَرْتَدَّ مِنْكُمْ عَنِ دِينِهِ فَسَوْفَ يَأْتِي اللَّهُ بِقَوْمٍ تُحِبُّهُمْ وَتُحِبُّونَهُ

“Sesiapa yang murtad di kalangan kamu daripada agamanya maka sesungguhnya Allah akan gantikan mereka itu dengan satu kaum yang benar-benar dikasihi Allah dan mereka juga mengasihinya.”

(Surah al-Māidah, 5:54)

إِنَّ الَّذِينَ كَأْرَتُدُوا عَلَى أَدْبَرِهِم مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْهُدَى  
الشَّيْطَنُ سَوْلَ لَهُمْ وَأَمْلَى لَهُمْ

“Sesungguhnya orang-orang yang murtad (berpaling tадah) ke belakang selepas ternyata hidayat kepada mereka, sebenarnya syaitanlah yang telah menipu mereka.”

(Surah Muhammad, 47: 25)

وَلَا يَزَالُونَ يُقَاتِلُونَكُمْ حَتَّىٰ يُرْدُوْكُمْ عَنِ دِيْنِكُمْ إِنْ أَسْتَطَعُوْا وَمَنْ  
يَرْتَدِدُ مِنْكُمْ عَنِ دِيْنِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي  
الْدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَلِدُونَ

“.....mereka tidak henti-hentinya memerangi kamu sampai mereka (dapat) mengembalikan kamu dari agamamu (kepada kekafiran), seandainya mereka sanggup. Barangsiapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu ia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat dan mereka itulah penghuni neraka dan mereka menetap di sana.”

(Surah al-Baqarah, 2: 217)

كَيْفَ يَهْدِي اللَّهُ قَوْمًا كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ وَشَهِدُوا أَنَّ الرَّسُولَ حَقٌّ  
وَجَاءَهُمْ أَلَيْنَتُ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

“Bagaimana Allah akan menunjuki suatu kaum yang kafir sesudah mereka beriman, serta mereka telah mengakui bahwa Rasul itu (Muhammad) benar-benar rasul dan keterangan-keteranganpun telah datang kepada mereka? Allah tidak menunjuki orang-orang yang zalim.”

(Surah Ali-Imrān, 3:86)

**أُولَئِكَ جَزَاؤُهُمْ أَنَّ عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ**

“Mereka itu balasannya ialah : bahawasanya laknat Allah ditimpakan kepada mereka (demikian pula) laknat para malaikat dan manusia seluruhnya.”

(Surah Ali-Imrān, 3:87)

**خَلِدِينَ فِيهَا لَا تُخْفَفُ عَنْهُمُ الْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنْظَرُونَ**

“Mereka kekal di dalamnya, tidak diringankan azab seksa daripada mereka dan mereka pula tidak diberi tempoh atau perhatian.”

(Surah Ali-Imrān, 3:88)

**إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ ثُمَّ أَزْدَادُوا كُفْرًا لَّن تُقْبَلَ تَوْبَتُهُمْ وَأُولَئِكَ**

**هُمُ الظَّالِمُونَ**

“Sesungguhnya orang yang kafir sesudah beriman, kemudian bertambah-tambah kekafirannya, sekali-kali tidak akan diterima taubatnya dan mereka itulah orang-orang yang sesat”.

(Surah Ali-Imrān, 3:90)

Merujuk kepada ayat-ayat di atas, Allah S.W.T tidak menyebut dengan jelas sebarang hukuman dunia ke atas orang murtad melainkan ancaman untuk ditukarkan dengan kaum yang lain seperti dalam surah *al-Māidah* ayat 54 dan tidak akan menunjukkan jalan yang benar seperti dalam surah *al-Nisā'* ayat 137. Namun hukuman akhirat yang disebutkan amat keras dan terlalu dahsyat sehingga terhapus segala amal kebaikan yang pernah dilakukannya sebelum murtad dan akan kekal di dalam neraka selama-lamanya. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kepada pemerintah untuk melindungi rakyatnya dari terjerumus ke dalam api neraka seperti mana seorang ketua

keluarga bertanggungjawab menjaga ahli keluarganya daripada azab api neraka seperti yang diperintahkan oleh Allah S.W.T :

قُوَا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ نَارًا

*“peliharalah diri dan ahli keluarga kamu daripada neraka”*

(Surah al-Tahrīm, 66:6)

Walaubagaimanapun terdapat satu ayat umum di dalam al-Qur'ān yang menyebutkan hukuman murtad di dunia iaitu :

قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُوا إِن يَنْتَهُوا يُغْفَرْ لَهُمْ مَا قَدْ سَلَفَ وَإِن يَعُودُوا فَقَدْ  
مَضَتْ سَنَتُ الْأَوَّلِينَ وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ  
اللَّهُدِينُ كُلُّهُر لِلَّهِ فَإِنْ أَنْتَهُوا فَإِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

*“Katakanlah kepada orang-orang yang kafir itu: “Jika mereka berhenti dari kekafirannya, nescaya Allah akan mengampuni mereka tentang dosa-dosa mereka yang lampau, dan jika mereka kembali lagi kafir (murtad) sesungguhnya akan berlaku sunnah Allah terhadap sebagaimana orang-orang terdahulu; Perangilah mereka supaya jangan ada fitnah dan supaya agama itu untuk Allah semata-mata”.*

(Surah al-Anfāl, 8:38-39)

Ini adalah kerana ayat ini pastinya ditujukan bagi umat Islam agar mereka tidak keluar dari Islam. Jika tidak, ayat ini seolah-olah ditujukan kepada orang kafir, Allah S.W.T tidak akan menunjukkan hukum-hukum syariah kepada orang kafir. Walaubagaimnapun Ibnu Kathir berpendapat ayat ini merujuk kepada orang bukan Islam yang memeluk agama Islam, maka Allah akan mengampunkan dosa-dosanya yang

terdahulu dan jika mereka kekal kafir maka mereka akan diazab oleh Allah S.W.T.<sup>94</sup> Oleh itu, ayat ini juga tidak menunjukkan dengan jelas hukuman kesalahan *riddah*.

Oleh kerana al-Quran tidak menyatakan dengan jelas hukuman di dunia bagi kesalahan murtad maka hadis memainkan peranan yang penting untuk memperincikan larangan murtad yang telah ditegaskan oleh Allah S.W.T.<sup>95</sup> Hadis yang berkenaan hukuman murtad datang dalam pelbagai lafaz. Hadis-hadis ini didatangkan dari beberapa orang sahabat utama seperti Sayyidina 'Uthman 'Affān, Sayyidina 'Alī, 'Aisyah, Ibn 'Abbās, Ibn Mas'ūd, Abū Musā al-Sha'ary, Muadz bin Jabbal, Anas Bin Mālik, Abū Ḥurairah radhiyallahuhanhum ajmā'īn.<sup>96</sup> Lafaz hadis dari para sahabat di atas berbeza serba sedikit dari sudut lafaznya tetapi sama dari sudut maknanya. Antara hadis-hadis yang memperjelaskan hukuman murtad di dunia adalah seperti berikut:

عَنْ عِكْرِمَةَ أَنَّ عَلِيًّا - رضى الله عنه - حَرَقَ قَوْمًا ، فَبَلَغَ أَبْنَ عَبَّاسٍ فَقَالَ لَهُ كُنْتُ أَنَا مُأْخِرُهُمْ ،  
لَأَنَّ النَّبِيَّ - صلى الله عليه وسلم - قَالَ « لَا تُعَذِّبُو بِعِذَابِ اللَّهِ ». وَلَقَنَتْهُمْ كَمَا قَالَ النَّبِيُّ - صلى  
الله عليه وسلم - « مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ »

*“Daripada 'Ikrimah, sesungguhnya saidina Ali mengarahkan supaya dibakar suatu kaum (orang-orang zindiq) tetapi Ibn 'Abbas melarangnya, maka dia berkata: Kalau aku, aku tidak akan membakar mereka kerana Nabi S.A.W pernah bersabda: Janganlah kamu menyiksa dengan siksaan Allah (api), dan aku akan membunuhnya (zindik) sebagaimana sabda Nabi S.A.W.: Sesiapa yang menukar agamanya (murtad), maka bunuhlah dia”.*<sup>97</sup>

<sup>94</sup> Imām Abi al-Fida' Ismail Ibnu Kāthir al Qūrshī al Dimāshqī, (1986), *Tafsir Ibnu Kathir*, j.2,Beirūt: Dār Al-Fikr, h.309.

<sup>95</sup> Muḥammad Ibrahim al-Hafnawī (1991), *Dirāsat Uṣūliyyah fi al-Sunnah al-Nabawiyah*, Kaherah: Dār al-Wafa, hh. 29-41. Prinsip ini berdasarkan ayat al-Quran dalam surah Ali 'Imrān, 31 & 132; al-Nisā', 65 & 80; al-Nahl, 44; al-Nur, 63; al-Ahzab, 36; al-Hujurat, 1; al-Najm, 3 & 4 dan al-Hasyr, 7.

<sup>96</sup> Syeikh Faisol bin Abdul Aziz (1987), *Bustanu al-Akhbār Muhtaṣār Nailu Authar*, (Terjemahan Mu'ammal Hamidy, Imron Am & Umar Fanany), Kuala Lumpur: Pustaka al-Azhar, h. 118-125.

<sup>97</sup> Al-Hafiz Abī Abdulah Muḥammad bin Ismail al-Bukhārī (1999), *Ṣāḥīḥ Buḥkārī*, j. 1, Damsyik: Dār al-Fiha', h. 498; Abī Daud bin al-Asha's al-Sajastani (t.t), *Sunan Abu Daud*, j. 1, Riyāḍh: Bait al-Afkār al-Dauliyyah, h. 476; Abī Isa Mumāmad bin Isa bin Surah al-Tarmizi (t.t), *Jami' al-Turmizi*, j. 1, Riyāḍh: Bait al-Afkār al-Dauliyyah, hh. 256-257; Abī Abdu Rahman Ahmad bin Syuaib bin Ali al-Syahirab (t.t), *Sunan*

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَجِدُ دُمُّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ يَشَهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ رَسُولَ اللَّهِ إِلَّا بِإِحْدَى تَلَاثَ النَّفْسِ بِالنَّفْسِ وَالشَّيْبِ الرَّازِيِّ ، وَالْمَارِقُ مِنَ الدِّينِ التَّارِكُ الْجَمِيعَةَ.

*“Nabi s.a.w. bersabda: Tidak halal darah seseorang muslim selain daripada tiga sebab: membunuh orang lain tanpa hak, berzina selepas menjadi muhsan dan meninggalkan agama (murtad) serta mengasingkan diri dari jemaah.”<sup>98</sup>*

Imam Muḥammad bin Ismā’il bin al-Kahlānī ketika mensyarahkan hadith ini beliau berpendapat : “Hukuman bunuh bagi kesalahan murtad adalah disepakati oleh ulama Islam seluruhnya”.<sup>99</sup>

Berdasarkan hadis-hadis di atas ijma para ulama bersetuju bahawa hukuman bagi jenayah murtad adalah hukum bunuh.<sup>100</sup> Ijma ulama dari lapan mazhab iaitu Imam Abū Ḥanīfah, Imam Mālik, Imam Syāfi’ī, Imam Aḥmad, Mazhab Zāhirī, Mazhab Syī’ah Zaidiyah, Mazhab Syī’ah Imamiah dan Mazhab Ibādiyyah berpendapat bahawa hukuman bagi jenayah murtad ialah hukum bunuh.<sup>101</sup> Dr. Yūsuf al-Qardhāwī mengatakan bahawa telah ijma’ fuqaha Islam bahawa hukuman bagi murtad adalah bunuh selepas *istitāb*. Hukuman bunuh terhadap murtad ini juga telah dilaksanakan di zaman sahabat seperti Abū Bakr, Mua’dz Jabbāl dan Sayyidina ’Alī.<sup>102</sup>

*al-Nasā’i*, j. 1, Riyāḍh: Maktabah al-Ma’arif, hh. 626-627; Abī Abdullah Muhammed bin Yazid al-Qazwainī al-Syahirab (t.t), *Sunan Ibnu Majjah*, j. 1, Riyāḍh: Maktabah al-Ma’arif, h. 432.

<sup>98</sup> Muslim bin al Hajjaj (2006), *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 11, Beirūt: Dār al Ma’arifah, h. 166; Imām al- Hafiz Abī Abdulah Muhammed bin Ismail al Bukhārī (1999), *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, j. 1, Damsyik: Dār al-Fiha’, h. 1185; Abī Daud bin al-Asha’s al-Sajastani, *Sunan Abu Daud*, j. 1, Bait al-Afkār al- Dauliyyah, h. 476; Abī Isa Muhammed bin Isa bin Surah al-Tarmizi, *Jami’ al-Turmizi*, j. 1, Riyāḍh: Bait al-Afkār al-Dauliyyah, h. 246; Abī Abdu Rahman Ahmad bin Syu'aib bin Alī al-Syahirab (t.t), *Sunan al Nasā’i*, j. 1, Riyāḍh: Maktabah al- Ma’arif, h. 620; Abī Abdullah Muhammed bin Yazid al-Qazwainī al-Syahirab (t.t), *Sunan Ibnu Majjah*. Jilid 1, Riyāḍh: Maktabah al-Ma’arif, h. 432.

<sup>99</sup> Al-Imām Muhammed bin Ismail al-Kahlānī (1989), *Subulus al-Salām*, j. 3, Beirūt: Dār al-Maktabah al- Hayat, h. 329.

<sup>100</sup> Muhammed bin Aḥmad bin Muhammed bin Rusyd (1996), *Bidāyah al-Mujtahid*. Beirūt: Dār al-Ihya’ al- Turath al-‘Arabi, h. 454.

<sup>101</sup> *Ibid.*, j. 4, h. 1764.

<sup>102</sup> Said Hj Ibrahim (1998), *Jenayah Murtad*, Kuala Lumpur, hh. 228-230.

### 2.3.4.6 Hukuman kepada Pesalah Murtad Wanita

Imam Mālik, Imam Syāfi’ī Imam Ahmad dan Ja’afariyyah berpendapat bahawa hukuman bagi orang yang murtad adalah sama, tanpa mengira jantina.<sup>103</sup> Mereka berhujah sedemikian berdasarkan kepada umum hadis iaitu “*sesiapa yang menukar agamanya hendaklah dibunuh*”. Perkataan “*sesiapa*” di dalam hadis ini menunjukkan bahawa sama ada lelaki atau perempuan. Tambahan pula Rasulullah S.A.W. menegaskan bahawa jika Ummu Marwan tidak bertaubat dari kekafirannya maka dia hendaklah dibunuh. Begitu juga di zaman Abu Bakar r.a. apabila beliau menjatuhkan hukuman bunuh dalam kes murtad Ummu Qarafah.

Manakala Imam Abū Ḥanīfah pula berpendapat bahawa seorang perempuan yang murtad hendaklah dipenjarakan dan tidak dihukum bunuh.<sup>104</sup> Menurut Imam Abū Ḥanīfah perempuan tersebut hendaklah dikembalikan kepada Islam menyuruhnya bertaubat setiap hari dan mengajarnya ajaran Islam sehingga dia mahu bertaubat atau dia mati dalam penjara tersebut. Ini bermakna dia dipenjarakan sehingga ajalnya tiba. Imam Abū Ḥanīfah berhujah dengan hadis:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَخْبَرَهُ : (أَنَّ امْرَأَةً وَجَدَتْ فِي بَعْضِ مَعَازِينَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُفْتُولَةً فَأَنْكَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَلِكَ، وَنَهَى عَنْ قَتْلِ النِّسَاءِ وَالصُّبْيَانِ) .

<sup>103</sup> Muḥammad al-Syārbini, (1933 ), *Mūghnī al Muhtaj*, j. 4, Beirūt : Dār Ihya’ al-Turas al-‘Arabi, h.140. Abi al-Barakat Aḥmad Bin Muḥammad bin Aḥmad al-Dardir, (1392H), *al Shārhu al Soghir*, j. 4, Kaherah: Dār al-Maarif, h. 437. Abdul Aziz Hamad āli Mubarak al Ihsaī, (1986), *Tabyīn al Masālik*, j.4, Beirūt : Dār al-Gharb, h. 481

<sup>104</sup> Ḥanāfi, Ala’uddin Abī Bakr Ibn. Mas’ud al-Kasānī al- (1982), *Bada’i al-Sana’i*, jilid 7, Kaherah : Dār al-Kitab al-‘Arabī, h. 135.

*“Daripada Ibnu Umar: Dikhabarkan kepada Rasulullah S.A.W ada wanita yang dibunuh di dalam peperangan. Oleh itu Rasulullah S.A.W menegahnya dan melarang dari membunuh wanita dan kanak-kanak”.*<sup>105</sup>

Lafaz am dalam dalil ini menunjukkan bahawa kedudukan wanita kafir di negara *harbī* dan wanita kafir kerana murtad adalah sama. Oleh itu beliau berpendapat wanita tidak boleh dibunuh.<sup>106</sup>

#### **2.3.4.7 *Istitābah***

Perintah *istitābah* dinyatakan oleh Allah S.W.T dalam al-Quran dengan firmanNya:

تَحَلَّفُونَ بِاللَّهِ مَا قَالُوا وَلَقَدْ قَالُوا كَلِمَةَ الْكُفَرِ وَكَفَرُوا بَعْدَ إِسْلَامِهِمْ  
وَهُمُوا بِمَا لَمْ يَنَالُوا وَمَا نَقْمُو أَلَّا أَنْ أَغْنِنَهُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ مِنْ فَضْلِهِ  
فَإِنْ يَتُوبُوا يَكُ حَيْرًا هُمْ وَإِنْ يَتَوَلَّوْا يُعَذِّبُهُمُ اللَّهُ عَذَابًا أَلِيمًا فِي الدُّنْيَا  
وَالآخِرَةِ وَمَا هُمْ فِي الْأَرْضِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ

*“Mereka bersumpah dengan nama Allah, bahawa mereka tidak mengatakan (sesuatu yang buruk terhadapmu), padah. Sesungguhnya mereka telah mengatakan perkataan kufur, dan mereka pula menjadi kafir sesudah melahirkan Islam, serta mereka berazam untuk melakukan apa yang mereka tidak akan dapat mencapainya (iaitu membunuhmu). dan tidaklah mereka mencaci dan mencela (Islam) melainkan setelah Allah dan Rasul-Nya memberi kesenangan kepada mereka dari limpah kurniaNya. oleh itu, jika mereka bertaubat, mereka akan beroleh kebaikan; dan jika mereka*

<sup>105</sup> Abī Isa bin Muḥammad bin Isa bin Surah al-Tarmizī, (2007), *Sunan Turmizī*, Kitab al-Sir an Rasulillah, Hadis 1569, jilid 5 dan 6, Damsyik: Dār Ibn Kasir, h. 222.

<sup>106</sup> ‘Abdul Karim Zaydan (2000), *Al-Mufassal fi Ahkam al-Marā’ah wa Bait al-Muslim Fi Al-Syarī’ati Islāmiyyati*, Beirūt: Muassasah al-Risalah, h. 315 -318; Sayyid Sābiq (1990), *Fiqh Sunnah*, j. 9, Kuala Lumpur: Victoria Agencie, h.166.

berpaling (ingkar), Allah akan menyeksa mereka dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan mereka tidak akan mendapat sesiapa pun di bumi ini, yang akan menjadi pelindung dan juga yang menjadi penolong.”

(Surah at-Taubah, 9:74)

كَيْفَ يَهْدِي اللَّهُ قَوْمًا كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ وَشَهَدُوا أَنَّ الرَّسُولَ حَقٌّ  
وَجَاءَهُمْ الْبَيِّنَاتُ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّلِيمِينَ ﴿٨١﴾ أُولَئِكَ جَزَاؤُهُمْ  
أَنَّ عَلَيْهِمْ لَعْنَةَ اللَّهِ وَالْمَلَئِكَةِ وَالنَّاسُ أَجْمَعِينَ ﴿٨٢﴾ خَلِدِينَ فِيهَا لَا  
تُخْفَفُ عَنْهُمُ الْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنْظَرُونَ ﴿٨٣﴾ إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ  
وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٨٤﴾

“86. Bagaimana Allah akan memberi petunjuk hidayah kepada sesuatu kaum yang kufur ingkar sesudah mereka beriman, dan juga sesudah mereka menyaksikan bahawa Rasulullah (Nabi Muhammad) itu adalah benar, dan telah datang pula kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata. dan (ingatlah), Allah tidak akan memberikan petunjuk hidayah-Nya kepada kaum yang zalim.

87. mereka itu balasannya ialah bahawa mereka ditimpak laknat Allah dan malaikat-Nya sekalian orang-orang (yang beriman).

88. mereka kekal di dalamnya, tidak diringankan azab seksa daripada mereka dan mereka pula tidak diberi tempoh atau perhatian;

89. kecuali orang-orang yang bertaubat sesudah (ingkar) itu, serta memperbaiki keburukan mereka, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(Surah al-Imrān, 3:86 -89)

Begitu juga beberapa peristiwa murtad di zaman nabi dan sahabat. Antaranya:

قَالَ قَدِيمٌ عَلَى عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَجُلٌ مِنْ قِبْلِ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ فَسَأَلَهُ عَنِ النَّاسِ فَأَخْبَرَهُ ثُمَّ قَالَ لَهُ عُمَرُ هَلْ كَانَ فِيْكُمْ مِنْ مُعَرِّيَةٍ خَيْرٍ فَقَالَ نَعَمْ رَجُلٌ كَثُرَ بَعْدَ إِسْلَامِهِ قَالَ فَمَا فَعَلْتُمْ بِهِ قَالَ قَرَّنَاهُ

فَضَرَبَنَا عَنْقَهُ فَقَالَ عُمَرُ أَفَلَا حَبِسْتُمُوهُ تَلَانًا وَأَطْعَمْتُمُوهُ كُلَّ يَوْمٍ رَغِيْبًا وَاسْتَبَشْمُوهُ لَعْلَهُ يَتُوبُ وَيُرَاجِعُ  
 أَمْرَ اللَّهِ ۖ ثُمَّ قَالَ عُمَرُ اللَّهُمَّ إِنِّي لَمْ أَحْضُرْ وَمَآ أَمْرَ وَمَآ أَرْضَ إِذْ بَلَغَني.<sup>107</sup>

*“Seorang utusan dari Abū Mūsā al-Asy’arī datang menemui ‘Umar al-Khattab. ‘Umar menanyakannya tentang rakyatnya (di bawah gabenorinya iaitu Abū Mūsā) lalu utusan berkenaan menceritakan perihal tersebut. ‘Umar bertanya: “Apakah ada cerita baru dari tempat kamu?” Dia (utusan itu) menjawab: “Ya, ada seorang lelaki Islam yang telah murtad.” ‘Umar bertanya: “Apakah tindakan kamu terhadapnya?” Utusan itu menjawab: “Kami tangkapnya dan penggal lehernya.” Ujar ‘Umar: “Kenapa kamu tidak menahannya selama tiga hari dan kamu berikannya makan roti pada setiap hari? Lalu kamu minta dia bertaubat, mudah-mudahan dia bertaubat dan kembali rujuk kepada agama Allah? Kemudian ‘Umar berkata: “Ya Allah, sesungguhnya aku tidak menghadiri (hukuman itu), aku tidak suruh (berbuat demikian) dan aku tidak rela (tentang hukuman itu) bila ia sampai kepadaku.”*

Walaubagaimana pun para ulama berselisih pendapat mengenai perintah kepada penjenayah murtad supaya bertaubat (*istitāb*) dan kadar masa *istitāb*, pelaksanaan *istitāb* serta-merta atau ditangguh, suruhan bertaubat itu wajib atau *mustahāb* dan sama ada orang murtad yang enggan bertaubat setelah disuruh diberi penangguhan hukuman.

Imam Abū Ḥanīfah berpendapat bahawa tidak wajib disuruh bertaubat, orang murtad boleh dibunuh serta-merta melainkan jika dia memohon penangguhan, maka diberi penangguhan selama tiga hari. Sebahagian sahabat beliau di kalangan ulama Hanāfiyyah berpendapat bahawa memberi penangguhan itu sunat hukumnya walaupun si murtad tidak memohon penangguhan.<sup>108</sup>

<sup>107</sup> Mālik bin Anas (1997), *al-Muwatta'*, Kitab al-Aqidah, Hadis 2152, j. 2, Dār al-Gharbi al-Islami, h. 280.

<sup>108</sup> Alauddin Abu Bakar bin Mas’ud al-Kasānī al-Ḥānafī (1982), *Bada’i wa Sana’i*, j. 7, Beirut: Dār al-Kutub al-Arabi, h. 134.

Manakala, Imam Mālik berpendapat wajib menyuruhnya bertaubat, dan jika dia bertaubat ketika itu maka diterima taubatnya. Jika dia enggan bertaubat semasa disuruh berbuat demikian, maka dia diberi penangguhan selama tiga hari agar bertaubat dan jika dia enggan bertaubat setelah tempoh penangguhan tersebut, barulah dia dihukum dibunuh.<sup>109</sup>

Imam Syāfi’ī pula mengemukakan dua pendapat berhubung menyuruh orang murtad untuk bertaubat dan yang *ażhar* ianya adalah wajib. Begitu juga dengan memberi penangguhan, beliau juga mempunyai dua pendapat dan yang *ażhar* ianya adalah wajib. Jika penangguhan tidak memberi apa-apa faedah iaitu si murtad memang telah nekad untuk keluar Islam walaupun sudah disuruh bertaubat, maka Imam Syāfi’ī mempunyai dua pendapat berhubung penangguhan ketika itu, dan yang *ażharnya* adalah tidak wajib diberi penangguhan walaupun diminta oleh orang yang murtad itu dan dia dihukum bunuh ketika itu juga iaitu sekiranya disuruh bertaubat, si murtad enggan tanpa diberi penangguhan kerana keengganannya untuk bertaubat itu.<sup>110</sup>

Imam Aḥmad mempunyai dua pendapat berhubung suruhan bertaubat bagi orang yang murtad. Pendapat yang pertama adalah sama seperti pendapat mazhab Mālikī, manakala pendapatnya yang kedua menyatakan bahawa suruhan bertaubat itu bukanlah

---

<sup>109</sup> Al-Imam al-Hafiz Abu Umar Yusof bin Abdullah bin Muhamad bin Abdul Birri al-Namrī (2002), *al-Istizkār*, j. 8, Abu Dhabi: Muassasah al-Nida’, h. 99.

<sup>110</sup> Syeikh Muhammad Syarbīnī al-Khātib (t.t), *Mughnī al-Muhtāj*, j. 4, Beirūt: Dār Ihya al-Turath al-‘Arabī, hh.139-141.

satu kewajipan iaitu tidak wajib. Berhubung hukum memberi penangguhan, terdapat tiga perbezaan pendapat dalam mazhabnya.<sup>111</sup>

Perbezaan pendapat di kalangan ulama mazhab di atas menunjukkan bahawa proses pelaksanaan sesi *istitābah* adalah perkara *ijtihādiyyah*. Oleh itu pihak pemerintah dengan kebijaksanaannya boleh menggubal undang-undang yang menepati maksud *istitābah* dari sudut hukum syarak dan mengikut suasana semasa.

#### **2.3.4.8 Hukuman *Badal* (Ganti)**

Hukuman ganti kepada kesalahan murtad berlaku dalam dua keadaan iaitu:

- i. Apabila seseorang yang disabitkan dengan kesalahan murtad bertaubat dan kembali kepada Islam. Hukuman denda seperti penjara atau sebatan boleh dilaksanakan ke atas penjenayah murtad sebagai pengajaran untuk tidak mengulangi perbuatan tersebut.
- ii. Jika seseorang gugur daripada dakwaan murtad kerana terdapat unsur syubhab seperti tertuduh kanak-kanak atau wanita, pemerintah boleh mengenakan hukuman yang sesuai.<sup>112</sup>

Jelasnya, hukuman *badal* atau ganti adalah hukuman *ta’zir* yang boleh ditentukan oleh pemerintah sebagai peringatan kepada umat islam supaya tidak bermain-main dengan jenayah *riddah*.

---

<sup>111</sup> Abdul Rahman al-Huzairy (1986), *al-Fiqh ‘ala al-Mazāhib al-Arba’ah*, j. 5, Dār al-Fikr, hh. 423-425.

<sup>112</sup> ‘Awdah, Abdul Qadir al- (1994), *al-Tashri’ al-Jina’i al-Islami Muqararan bi al-Qanun al-Wad’i*, j. 1, Beirut: Muassasah al-Risalah, h.727..Faezah Hj Ismail (2001), *al-Fiqh al-Jena’i al-Islami*, Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, h. 221.

#### **2.3.4.9 Pasca Hukuman Jenayah Murtad**

Murtad akan mengakibat kesan yang besar kepada institusi keluarga dan sosial sesebuah negara. Justeru pemerintah hendaklah memastikan hak-hak orang Islam selepas murtad terus dilindungi sama ada dari segi akidah maupun hak-hak sivil yang berkaitan dengannya seperti perkahwinan, harta sepencarian, nafkah dan hadanah. Al-Sayūtī menukilkan pandangan al-'Alaa'ī bahawa seorang yang murtad berbeza dengan seorang yang kafir asli yang mana seorang yang murtad :

- i. tidak boleh diiktiraf kemurtadannya;
- ii. tidak dikenakan *jizyah*;
- iii. tidak dilengah-lengahkan taubatnya;
- iv. dihukum dengan hukuman orang Islam;
- v. wajib *qada'* solat selepas dia bertaubat;
- vi. tidak sah nikahnya;
- vii. tidak halal sembelihannya;
- viii. dijatuhi hukuman bunuh;
- ix. disekat hartanya;
- x. disekat urusan perbelanjaannya;
- xi. disekat daripada mempersetubuh isterinya;
- xii. tidak boleh mewariskan harta;
- xiii. tidak boleh mewarisi harta.<sup>113</sup>

---

<sup>113</sup> Jalaluddin Abdul Rahman Ibn Abī Bakr al-Suyūtī (1998), *Al-Ashbah al-Naẓāir fi Qawā'id wa Furu' Fiqh al-Shāfi'iyyah*, Beirût: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, h. 506.

Oleh itu, seorang yang murtad akan menyebabkan beberapa sekatan akan berlaku kepada harta dan kehidupan sosial mereka iaitu:

#### 2.3.4.9.1 Perkahwinan

Seseorang yang telah murtad akan kehilangan kelayakan untuk bernikah dengan wanita yang seagama dengan agama barunya. Ini kerana penjenayah murtad akan dihukum bunuh. Justeru bagaimana dia hendak bernikah dan menguruskan rumah tangganya. Begitu juga dia akan kehilangan kuasa untuk menikahkan anak-anak perempuannya. Ini kerana Rasulullah S.A.W. menegaskan bahawa hanya orang Islam yang memiliki kuasa untuk menikahkan orang Islam sebagaimana hadis Rasulullah S.A.W. :

لَا نِكَاحٌ إِلَّا بِوْلَىٰ  
“Tiada perkahwinan melainkan dengan berwali”.<sup>114</sup>

Manakala syarat wali hendaklah seagama dengan pasangan yang hendak dinikahkan<sup>115</sup> kecuali dalam bab saksi, mazhab Ḥanāfi membenarkan dua ahli *zimmī* menjadi saksi bagi perkahwinan seorang *zimmah* seperti *kitābiyyah* dengan seorang lelaki Islam.

---

<sup>114</sup> Abī Daud bin al-Asha's al-Sajastani, *Sunan Abu Daud*, j. 1, Riyāḍh: Bait al-Afkār al-Dauliyyah, h. 238; Abī Isa Muḥammad bin Isa bin Surah al-Tarmizi, *Jami' al-Tarmizi*, j. 1, Riyāḍh: Bait al-Afkār al-Dauliyyah, h. 196; Abī Abdullah Muḥammad bin Yazid al-Qazwainī al-Syahirab (t.t), *Sunan Ibnu Majjah*, j 1, Riyāḍh: Maktabah al-Ma'arif, h. 327.

<sup>115</sup> Syeikh Muḥammad al-Syarbīnī al-Kahtib (t.t), *Mughnī al-Muhtaj*, j.3, Beirūt: Dār Ihya' al-Turath al-'Arabī, h. 147.

#### **2.3.4.9.2 Perceraian**

Apabila mahkamah memutuskan bahawa seseorang telah murtad maka sebelum menjatuhkan hukuman bunuh, para ulama bersepakat bahawa mahkamah hendaklah menceraikan pasangan tersebut sekiranya mereka telah berkahwin dan salah satu dari pasangan tersebut murtad.<sup>116</sup> Namun demikian mereka berselisih pendapat mengenai jenis perceraian tersebut. Setengah ulama berpendapat apabila suami murtad, isteri hendaklah diceraikan dengan talak ba'in kerana pihak suami sendiri yang memilih untuk murtad. Jika dia kembali kepada Islam, maka hendaklah dinikahkan dengan akad dan mas kahwin yang baru.

Jumhur ulama berpendapat bahawa mereka hendaklah dipisahkan secara fasakh. Ini kerana perpisahan ini bukan kehendak suami tetapi ditetapkan oleh hukum syarak dan dikuatkuasakan melalui perintah mahkamah.<sup>117</sup> Justeru jika mereka bertaubat maka hendaklah dinikahkan dengan akad dan mahar yang baru serta tidak mengurangkan jumlah talaknya. Penulis berpandangan pendapat jumhur lebih sesuai dilaksanakan pada hari ini.

#### **2.3.4.9.3 Kedudukan Agama Anak di Bawah Umur**

Imam al-Bukhārī di dalam Ṣahihnya menaqallkan;

---

<sup>116</sup> Ibid, j.4, h. 142

<sup>117</sup> Abdul Rahman al-Juzā'iri, (1392H), *Fiqh 'ala al-Mazāhib al-Ar bā'ah*, op.cit, j.5, h. 433.

وَقَالَ الْحَسْنُ وَشُرْبَنْجٌ وَإِبْرَاهِيمُ وَقَتَادَةُ إِذَا أَسْلَمَ أَخْدُهُمَا فَأَلْوَلْدُ مَعَ الْمُسْلِمِ . وَكَانَ ابْنُ عَبَّاسٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا - مَعَ أُمِّهِ مِنَ الْمُسْتَصْعِفِينَ ، وَلَمْ يَكُنْ مَعَ أَبِيهِ عَلَى دِينِ قَوْمِهِ . وَقَالَ الإِسْلَامُ يَعْلُو وَلَا يُعْلَى عَلَيْهِ .

*“Dari Hasan al-Baṣrī, Syuraiḥ, Ibrāhīm dan Qatādah yang berkata; jika telah Islam salah seorang dari dua ibubapa, maka anak hendaklah bersama ibu atau bapanya yang Islam. Ibnu ‘Abbās pula (semasa kecilnya) tinggal bersama ibunya (yang Islam) berserta golongan mustad’afīn (yang menganut Islam) dan beliau tidak tinggal bersama bapanya yang masih menganut agama kaumnya (yakni agama musyrik). Dan beliau (yakni Ibnu ‘Abbās) menegaskan; “Islam adalah tinggi dan tidak ada yang boleh mengatasi ketinggian Islam”.<sup>118</sup>*

Oleh itu Imam al-Khattābī menjelaskan; “Anak yang masih kecil jika ia berada di antara seorang muslim dan seorang bukan Islam, maka yang muslim lebih berhak terhadapnya”.<sup>119</sup>

#### 2.3.4.9.4 Hak Penjagaan Anak

Merujuk kepada firman Allah S.W.T;

وَلَنْ تَجْعَلَ اللَّهُ لِكُفَّارِنَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا

*“Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang bukan Islam untuk membina sakan orang-orang yang beriman.*

(Surah an-Nisā’, 4:141)

Maka jumhur ulama berpendapat bahawa hak penjagaan anak tidak harus diberikan kepada ibu atau bapa yang tidak Islam kerana penjagaan anak berkaitan dengan penguasaan. Sedangkan Allah S.W.T tidak membenarkan penguasaan orang tidak Islam

<sup>118</sup> Abī Abdullah Muhammad bin Ismail al-Bukhārī (1999), *Ṣaḥīḥ Buḥkārī*, j. 1, Damsyik: Dār al-Fiha’, h. 216; Ali bin ‘Umar al-Daruqutnī (2004), *Sunan al-Daruqutnī*, j. 4, Beirūt: Muassasah al-Risālah, h. 371.

<sup>119</sup> Syeikh Abī Abdullāh Abdussalām ‘Allawish, *Ibanatul-Ahkām*, *Syarah Bulughul-Maram*, Kitab al-Hadhanah, j. 3, h. 467.

ke atas orang beriman. Seperti mana larangan wanita muslim mengahwini lelaki bukan Islam kerana perkahwinan tersebut menyebabkan wanita muslim berada di bawah penguasaan orang bukan Islam .

Tambahan pula menyerahkan anak untuk dijaga dan diasuh oleh orang bukan Islam akan menimbulkan kebimbangan terhadap masa depan agama anak tersebut. Ini kerana ibu atau bapa yang bukan Islam sudah tentu cenderung untuk mendidik anak itu agar mengikut agama mereka apabila mereka besar nanti.

Rasulullah S.A.W telah bersabda;

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ ، فَأَبْوَاهُ يُهَوِّدُهُ أَوْ يُنَصَّرِّهُ أَوْ يُجَسِّسُهُ

*“Setiap anak yang lahir adalah dalam keadaan fitrah. Dua ibubapanya adalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi”.*<sup>120</sup>

Terdapat dua perkara yang dinyatakan di dalam hadith ini. Pertama, setiap bayi yang dilahirkan adalah Islam. Ini kerana menurut para ulama, fitrah di dalam hadith ini bermakna Islam. Kedua, keislaman seorang anak akan dipengaruhi oleh ibu bapanya. Oleh itu adalah tidak wajar hak penjagaan anak yang masih kecil diberi kepada pihak yang tidak Islam kerana ia akan mengancam agama yang dianuti oleh anak tersebut.

Justeru memelihara masa depan agama seorang anak adalah suatu kewajipan. Sesuai dengan firman Allah S.W.T;

---

<sup>120</sup> Abī Abdullah Muḥammad bin Ismā’il al-Bukhāri (1999), *Ṣaḥīḥ Buḫārī*, j. 1, Damsyik: Dār al-Fiha’, h. 222; Abī Daud bin al-Asha’s al-Sajastani, *Sunan Abu Daud*, j. 1, Riyaḍh: Bait al-Afkār al-Dauliyyah, h. 514; Abī Isa Mumamad bin Isa bin Surah al-Tarmizi, *Jami’al-Tarmizi*, j. 1, Riyaḍh: Baitu al-Afkār al-Dauliyyah, h. 356; Muslim bin al-Hajjaj (2006), *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 6, Beirūt: Dār al-Ma’arifah, h. 423.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا فُوْنَ أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ  
 عَلَيْهَا مَلَكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمِرُونَ



*“Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak mendurhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.”*

(Surah at-Tahrim, 66:6)

Namun demikian para ulama mazhab Ḥanāfi berpendapat hak penjagaan harus diberikan kepada ibu yang masih belum Islam sehingga anak mencapai usia tujuh tahun. Walaubagaimanapun keharusan tersebut terikat dengan syarat-syarat berikut;

- a) kekufturan ibu itu bukan kerana murtad; (iaitu ia adalah asal tidak Islam)
- b) Tidak dibimbangi ia akan menjelaskan agama anak tersebut (iaitu keislamannya).
- c) Tidak dibimbangi ia akan memberi makan makanan yang haram kepada anak.

Jika wujud kebimbangan tersebut, maka hak penjagaan tidak harus diberikan kepada ibu yang tidak Islam atau ditarik balik jika hak penjagaan telah diberikan.<sup>121</sup>

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa Islam melarang orang murtad diberikan hak penjagaan anak kerana mereka dengan jelas menolak Islam dan wujud

<sup>121</sup> Sayyid Sābiq (1981), *Fiqh as-Sunnah*, j. 2, Beirūt: Dār al-Fikr, h. 220.

kebimbangan yang amat kuat untuk mereka mempengaruhi anak-anak mereka. Namun bagi ibu atau bapa yang asalnya bukan Islam mereka tidak dihalang mendapat hak penjagaan secara mutlak tetapi mereka tertakluk dengan syarat-syarat yang ketat bagi menjamin agama anak tersebut.

#### 2.3.4.9.5 Harta

Seorang yang murtad akan menyebabkan hilang kelayakan untuk memiliki harta.<sup>122</sup> Justeru sebelum dijatuhkan hukuman bunuh maka seluruh harta mereka akan diserahkan kepada baitumal. Ini kerana harta tersebut berubah status kepada harta *al-fiae* atau harta yang diambil dari orang bukan Islam. Ini disebabkan jenayah murtad telah memutuskan *bai'ah* atau kontrak untuk taat setia dengan kerajaan Islam. Sedangkan kerajaan Islam adalah penjaga akidah orang Islam.

Di samping itu waris yang Islam dan bukan Islam tidak boleh mewarisi harta seorang yang murtad. Begitu juga seorang yang murtad tidak boleh mewarisi harta dari waris-warisnya. Sebagaimana hadith Rasulullah S.A.W. :

لَا يرثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرُ ، وَلَا الْكَافِرُ الْمُسْلِمُ

“Orang Islam tidak boleh mewarisi harta orang bukan Islam dan orang bukan Islam tidak boleh mewarisi harta orang Islam”.<sup>123</sup>

---

<sup>122</sup> Muhammed al Syarbini, (1933 ), *op.cit*, h. 142.

<sup>123</sup> Abī Abdullah Muhammed bin Ismail al-Bukhārī (1999), *Şāhīh Buķhārī*. j.1, Damsyik: Dār al-Fiha', h. 1167; Abī Daud bin al-Asha's al-Sajastani, *Sunan Abu Daud*, j. 1, Riyaḍh: Bait al-Afkār al-Dauliyah , h. 329; Abī Isa Muhammed bin Isa bin Surah al-Tarmizi, *Jami' al-Tarmizi*, j. 1, Riyaḍh: Bait al-Afkār al-Dauliyah, h. 349; Muslim bin al-Hajjaj (2006), *Şāhīh Muslim*, j. 11, Beirūt: Dār al-Ma'arifah, h. 53; Abī Abdullah Muhammed bin Yazid al-Qazwainī al-Syahirab (t.t), *Sunan Ibnu Majjah*, j. 1, Riyaḍh: Maktabah al-Ma'rifah, hh. 463-464.

Walaubagaimanapun jika mereka kembali kepada Islam dengan bertaubat maka harta mereka akan dikembalikan semula dan boleh mewariskan dan mewarisi harta waris-waris mereka.

Namun demikian bagi mazhab Ḥanāfi harta yang diperolehi sebelum murtad boleh diwarisi oleh waris-waris tetapi harta yang diperolehi selepas murtad tidak boleh diwarisi. Ini kerana bagi seorang yang murtad, mereka dianggap telah mati dan sudah tidak layak untuk memiliki harta. Justeru harta mereka dibekukan selepas murtad dan diserahkan kepada Baitulmal.<sup>124</sup>

Jelasnya harta seorang yang murtad akan dibekukan oleh kerajaan dan baitulmal akan mengambil alih tugas mengurus harta tersebut. Namun demikian penjenayah murtad masih boleh memiliki harta melalui hibah, wasiat, jual beli, sewa menyewa, saham dan lain-lain. Mereka hanya tidak boleh memiliki harta melalui pewarisan.

#### **2.3.4.9.6 Hukum Fiqh yang Berkaitan**

Seseorang yang murtad akan terikat dengan beberapa hukum fiqh yang lain seperti:

- a) setelah perlaksanaan hukuman bunuh, jenazahnya tidak akan dimandikan, disembahyangkan dan tidak dikebumikan di perkuburan Islam;
- b) sembelihannya haram dimakan;
- c) tidak boleh mengimamkan solat;

---

<sup>124</sup> ‘Abdul Rahman al-Juzāiri, (1392H), *Fiqh ala al-Mazāhib al Ar bā’ah*, j.5, Kaherah : Dār al-Fikr, h. 427.

d) statusnya bukan sebagai kafir *zimmī* dan *jizyah* tidak dikutip daripadanya.

Oleh itu pihak pemerintah sebagai penjaga kesucian agama Islam hendaklah memastikan perkara tersebut dapat dipelihara dan dikuatkuasakan.

## 2.4 Kesimpulan

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa *hifz al-dīn* mempunyai maksud yang amat luas. Bukan sekadar menjatuhkan hukuman bunuh kepada penjenayah murtad tetapi bagaimana untuk memastikan kesucian akidah dipelihara dan dilindungi. Teori-teori yang dikemukakan di atas jelas menunjukkan bahawa pada prinsipnya ia berkeupayaan untuk membendung masalah murtad. Kecuali bagi mereka yang berusaha untuk melepaskan diri dari ikatan kawalan tersebut. Justeru para ulama telah berijma' bahawa hukuman bagi kesalahan murtad adalah hukuman bunuh. Oleh itu murtad adalah kes jenayah dan bukan kes sivil. Manakala *istitābah* hendaklah diperintahkan oleh hakim kepada penjenayah murtad. Namun demikian pihak berkuasa boleh menentukan tempoh perundingan dan kaedah perundingan yang akan digunakan. Begitu juga dengan pengurusan pasca murtad. Para ulama fiqh telah menggariskan kaedah yang jelas mengenai status perkahwinan, hak penjagaan anak, hak agama anak, hak perwalian dan pemilikan serta pewarisan harta.